

Jilid I  
Bil. 106



Hari Jumaat  
20hb Disember, 1991

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 17067]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 17105]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) [Ruangan 17105]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ MENTERI LUAR NEGERI, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAH (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.L.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 20hb Disember, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

GAGASAN RAKYAT—  
PENDAFTARAN

**1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudahkah apa yang dikenali sebagai "Gagasan Rakyat" didaftarkan dengan pihak Pendaftar Pertubuhan. Jika tidak, apakah status "Gagasan Rakyat" yang kini dilaung-laungkan oleh segolongan parti-parti pembangkang di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, parti Gagasan Rakyat belum lagi didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan politik yang sah di bawah Akta Pertubuhan 1966. Oleh yang demikian, statusnya sekarang ialah sebagai sebuah pertubuhan politik yang belum berdaftar.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Pendaftar Pertubuhan telah menerima borang permohonan untuk mendaftarkan Gagasan Rakyat?

Kedua, kalau sudah menerima, bilakah borang itu diterima dan mengapa pihak Kementerian atau khususnya Pendaftar Pertubuhan mengambil masa yang lama untuk meluluskan pendaftaran tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Pendaftar Pertubuhan telah menerima permohonan daripada penganjur-penganjur ataupun pro-tem committee, dan seperti biasa proses yang dikenakan kepada setiap satu permohonan adalah sedang dijalankan. Oleh sebab permohonan ini disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan hanya pada bulan Julai tahun ini, jadi, dia tidak dianggap lama sangat. Sepertimana pertubuhan-pertubuhan yang lain, ianya ada prosedur-prosedur yang tertentu untuk kita jalankan, maka dengan itu kita belum dapat menyelesaikan pemerosesan permohonan itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya, setelah mendengar jawapan bahawa pihak Pendaftar Pertubuhan telahpun menerima borang untuk mendaftarkan apa yang dipanggil sebagai Gagasan Rakyat, bolehkah atau tidak pihak Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini siapakah penaja-penaja Gagasan Rakyat ini dan siapakah di antara pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam pertubuhan tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, penaja-penaja ataupun parti-parti yang terlibat untuk

mengemukakan permohonan ini adalah terdiri daripada 7 parti iaitu Semangat 46, DAP, Parti Rakyat Malaysia, Barisan Kemajuan India SeMalaysia (All Malaysian Indian Progressive Front—AMIPF), Parti Bersatu Malaysia (Malaysian Solidarity Party), Hisbul Muslimim Malaysia (HAMIM) dan Kongres India Muslim Malaysia (KIMA).

Mereka yang memegang jawatan dalam pro-tem committee ataupun nama penajanya ialah:

- (1) Haji Mohd. Suhaimi bin Haji Kamaruddin (Pengerusi)
- (2) Yeoh Poh San (Setiausaha Agung)
- (3) P. Patto (Bendahari Agung)

Empat orang Naib Pengerusi ialah:

- (1) Wan Ibrahim bin Wan Abdullah
- (2) Sanusi bin Osman
- (3) Vadiveloo
- (4) Khalilul Rahman bin Abdul Karim

#### **PENGLIBATAN WANITA DALAM PELBAGAI SEKTOR**

**2. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian telah membuat sebarang kajian mengenai penglibatan wanita dalam pelbagai sektor dan di pelbagai peringkat pengurusan. Data sebegini diperlukan untuk memperbaiki keadaan ketidakseimbangan di antara penglibatan lelaki dan wanita dan seterusnya data ini digunakan untuk mempertingkatkan status wanita di Malaysia. Sehubungan dengan ini apakah peranan dan perancangan Pusat Maklumat Wanita di Kementerian ini.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Sumber Maklumat Wanita Dalam Pembangunan di Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah dalam proses mengumpul dan menganalisa data-data berkaitan dengan penglibatan wanita dalam pelbagai sektor dan di pelbagai peringkat pengurusan. Setakat ini telah banyak kajian yang dibuat mengenai wanita dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Bahagian Hal Ehwal Wanita di Kementerian tidak menjalankan kajian-kajian tersebut, tetapi membiayai dan memberikan bantuan yang sewajarnya kepada institusi-institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan wanita dan orang-orang perseorangan yang menjalankan kajian bagi pihak HAWA.

Pusat Sumber Maklumat Wanita yang ditempatkan di HAWA berperanan untuk menyediakan Sumber Maklumat asas yang menyokong rancangan kebangsaan bagi meningkatkan kedudukan wanita dan seterusnya menyokong penyertaan wanita dalam pembangunan. Pusat ini akan menjadi pusat maklumat setempat mengenai wanita atau 'one-stop information centre for women in Malaysia', dengan izin, yang boleh menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan mengenai wanita. Kementerian saya juga bercadang untuk memperkukuhkan Pusat Sumber Maklumat Wanita Dalam Pembangunan supaya ianya dapat memainkan peranan yang telah disebutkan tadi dengan lebih berkesan. Dalam usaha ini, Pusat ini akan dibekalkan dengan sistem berkomputer untuk membantu mempercepatkan dan memudahkan lagi kegiatan yang dijalankan di Pusat ini.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri memandangkan bahawa Pusat Maklumat Wanita ini akan menggunakan sistem komputer, adakah sistem komputer ini akan di'on-line'kan kepada semua pegawai-pegawai penyelarasan di seluruh negara iaitu di semua negeri?

**Dato' Napsiah binti Omar:** Memang itulah hajat kita.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri berkenaan mengenai sumber wanita di luar bandar. Sebagaimana yang kita tahu pada masa sekarang sumber wanita di luar bandar adalah sumber manusia yang tidak mendapat perhatian, tidak mendapat layanan dan juga tidak mendapat peluang untuk berkecimpung bersama dalam pembangunan negara, bahkan kebanyakan wanita telah menjadi suri rumahtangga, menjaga anak dan tinggal di rumah begitu sahaja. Soalan saya, adakah kajian dibuat untuk memastikan gunatenaga wanita di luar bandar turut sama dididik di bidang pendidikan sebagai ibu bapa yang berguna terutama sekali di dalam arus pembangunan Wawasan 2020 ataupun untuk pembangunan fizikal negara?

**Dato' Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, negara akan rugi kalau kita tidak menggunakan 50% daripada sumber manusia yang ada di dalam negara kita ini dan memanglah hajat kita itu iaitu wanita-wanita sama ada di bandar ataupun di luar bandar, memang semua sepatutnya menyumbang kepada pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat tadi, sama ada kita akan mendidik, sememangnya ada program-program sekarang ini yang dirancang untuk menggerakkan supaya wanita-wanita—tak kira sama

ada di bandar ataupun di luar bandar—akan bersama-sama menyumbang untuk pembangunan negara.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai data yang dikumpulkan oleh Pusat Maklumat Wanita di Kementerian itu, adakah data ini termasuk mengenai kekerasan dalam keluarga ataupun, dengan izin, domestic violence serta data-data kejadian-kejadian rogol, data yang lebih luas daripada data yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri? Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya bilakah Akta Domestic Violence ini akan dibentangkan di dalam Dewan in?

**Dato' Napsiah binti Omar:** Berkenaan dengan soalan yang pertama tadi, memanglah data-data yang kita ingin kumpulkan itu menyeluruh supaya kita dapat gambaran yang sebenarnya berkenaan dengan kedudukan serta juga isu-isu wanita di negara ini kerana sudah terlalu lama wanita kita ini, kalau boleh saya gunakan perkataan, dengan izin, sensitize by the likes of you. Yang sebenarnya wanita itu dikatakan adalah tidak begitu bagus ataupun kaum bapa lebih superior dan juga wanita itu menjadi milik kaum bapa. Oleh sebab itu, kita berharap dengan adanya data-data ini, kita akan dapat pula memberi mereka itu maklumat-maklumat, kemahiran-kemahiran atau dalam bahasa Inggerisnya lebih kuat lagi, empower them, dengan kemahiran dan maklumat supaya mereka itu lebih berkeyakinan diri atau confident untuk menghadapi masalah-masalah sosial seperti keganasan di dalam rumahtangga dan sebagainya.

Soalan yang kedua itu tadi, berkenaan dengan Domestic Violence Act ataupun Akta Keganasan di dalam Rumahtangga, ianya sedang digubal oleh wanita-wanita pakar dalam bidang undang-undang, iaitu Persatuan Undang-undang Wanita, kalau tak silap

saya, yang sedang mengumpul dan menggubal Akta ini untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan. Tetapi saya tidaklah tahu bilakah mereka akan menyiapkan ataupun mengemukakan kepada pihak Kerajaan.

**PERLEMBAGAAN  
PERSEKUTUAN—MEMINDA  
ARTIKEL 12(4) MENGENAI  
AGAMA**

**3. Tuan Saidin bin Adam** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan agama seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya dipinda kepada agama seseorang yang belum akil baligh ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya supaya ianya lebih bersesuaian dengan kehendak agama Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan.....

**Dr Kua Kia Soong:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar, point of order.

**Dr Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 23(2), apa-apa pertanyaan yang menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar apa-apa syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, mesti ditolak. Saya hendak bertanya bagaimana soalan ini boleh dikeluarkan dalam.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, berkaitan dengan soalan yang mana satu?

**Dr Kua Kia Soong:** Soalan ketiga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, soalan ini telah dibenarkan dan dimasukkan dalam Order Paper kita. Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibaca bersama dengan klausa 3 di dalam Artikel bersama dan bukan secara berasing. Bila dibaca bersama, Artikel 12(3) dan (4) memperuntukkan bahawa bagi seseorang yang belum mencapai umur yang melebihi 18 tahun hanya ibu bapanya atau penjaganya yang boleh mewajibkan menerima apa-apa agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri.

Artikel 12(3) dan (4) itu meliputi kesemua masyarakat majmuk di Malaysia ini yang berbilang kaum, bangsa serta agama. Dengan itu, Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan seperti yang dicadangkan itu.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Artikel 12(3) dan 12(4) Perlembagaan negara. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beberapa kes di mahkamah tentang pentafsiran kepada Artikel ini telah menimbulkan suasana yang agak kelam-kabut di negara kita sehingga

boleh menjejaskan masalah perkauman dan keagamaan jika dibiarkan begitu sahaja. Percanggahan yang jelas di bawah seksyen 12 ini ialah mengikut hukum Islam, seseorang yang mencapai ataupun akil baligh dikira boleh menentukan haknya untuk memeluk mana-mana agama, sedangkan di bawah peruntukan Perlembagaan negara kita, agama bagi orang yang kurang daripada 18 tahun terletak di atas hak ibu bapanya. Hasilnya beberapa kes telah berlaku di negara kita yang menimbulkan kekecohan di Selangor dan di Kelantan misalnya. Jadi soalan saya, bagaimana pendekatan atau penyelesaian yang akan diambil oleh pihak Kerajaan berhubung dengan perkara ini kerana saya percaya perkara ini akan timbul lagi, dari tahun ke tahun, kes demi kes akan timbul lagi di mahkamah. Persoalan saya, kalau kita tidak berniat untuk meminda Perlembagaan negara, bagaimanakah cara kita hendak menyelesaikan masalah ini? Yang keduanya kerana hal pentadbiran Undang-undang Islam bukan bidang kuasa Kerajaan Pusat tetapi bidang kuasa Kerajaan Negeri, jadi bagaimana pula Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah ini dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dalam negara ini?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita memang jelas, dengan izin, mohon saya bacakan, Tuan Yang di-Pertua, Artikel yang berkenaan:

“12(3) No person shall be required to receive instruction in or to take part in any ceremony or act of worship of a religion other than his own.

(4) For the purposes of Clause (3) the religion of a person under the age of eighteen years shall be decided by his parent or guardian.”

Mengenai kekeliruan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi adalah berpunca daripada pentafsiran yang berbeza-beza oleh hakim ataupun peguam. Jadi, sebagaimana yang saya katakan tadi, Kerajaan kita telah membuat pendirian bahawa kita tidak bercadang untuk meminda Perlembagaan yang ada pada hari ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada jawapan yang diberikan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar bahawa Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam di negeri Selangor khususnya seksyen 67 dan 70 bercanggah dengan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan juga bahawa kedua-dua seksyen ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan telah disahkan oleh mahkamah tertinggi di Malaysia di mana mahkamah tertinggi menyatakan bahawa kedua-dua seksyen ini tidak berperlembagaan atau unconstitutional, dengan izin.

Sungguhpun begitu, pihak Kerajaan Negeri enggan memansuhkan kedua-dua seksyen ini. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Pusat untuk menasihatkan atau mengarahkan kerana Kerajaan Negeri Selangor adalah Kerajaan bersama, mempunyai parti yang sama dengan Kerajaan Pusat, untuk mengarahkan Kerajaan Negeri Selangor memansuhkan kedua-dua seksyen tersebut iaitu Seksyen 67 dan 70 yang didapati bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang disahkan oleh pihak mahkamah.

· Soalan kedua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa Seksyen 103 Enakmen

Pentadbiran Undang-undang Negeri Pahang juga bercanggah dengan Perkara 12(4)? Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Pusat?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi adalah merupakan masalah di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadi, kekeliruan ini timbul hasil dari pentafsiran yang berbeza-beza daripada Perlembagaan yang terang, jelas dan nyata.

**SUKAN  
KOMANWEL—MALAYSIA  
SEBAGAI TUAN RUMAH**

**4. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa Malaysia sedang giat melobi supaya Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Commonwealth yang akan datang:

- (a) apakah bentuk kempen yang dijalankan untuk menyaingi dan menggagalkan Adelaide daripada terpilih sebagai tuan rumah;
- (b) berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk melobi supaya sukan tersebut dibawa ke Malaysia;
- (c) berapakah anggaran perbelanjaan yang akan ditanggung oleh negara untuk menganjurkan sukan tersebut; dan
- (d) adakah Malaysia bercadang untuk membuat ujian AIDS terhadap semua pegawai dan ahli sukan yang datang bagi mencegah kemasukan pembawa AIDS ke negara ini.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, bentuk kempen yang dijalankan adalah seperti berikut:

(i) Lawatan melobi dan promosi ke negara-negara Komanwel di Afrika, Amerika, Asia, Oceania, Caribbean dan Eropah oleh tokoh-tokoh dari Majlis Olimpik Malaysia yang diketuai oleh Presidennya sendiri.

(ii) Lawatan melobi dan promosi oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia ke kejohanan-kejohanan di peringkat regional iaitu:

- Pan American Games di Havana, Cuba, 27.7.91 hingga 10.8.91.
- South Pacific Games di Port Moresby, Papua New Guinea, 7.12.91-12.9.91.
- All African Games di Cairo, 10.9.91-1.10.91.
- South Asian Games di Colombo, 22.12.91-27.12.91.

(iii) Jemputan kepada pemimpin-pemimpin Persekutuan Sukan Komanwel untuk perasmian Bangunan Majlis Olimpik Malaysia pada 10hb Disember tahun ini.

- (iv) Menjelang pengundian di Barcelona, kempen melobi dan promosi termasuk satu jamuan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 27hb Julai, 1992.
- (v) Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Mesyuarat CHOGM di Harare, Zimbabwe pada 16 hingga 20 Oktober 1991 sedikit sebanyak akan dapat mempengaruhi negara-negara Komanwel menyokong Malaysia.
- (b) Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$2 juta, iaitu \$1 juta bagi tahun 1991 dan \$1 juta lagi bagi tahun 1992 untuk urusan penawaran Sukan Komanwel 1998.
- (c) Anggaran Perbelanjaan untuk menganjurkan sukan tersebut dijangka sebanyak \$30 juta. Walau bagaimanapun, dengan perancangan pemasaran sukan, penyertaan daripada sektor swasta, tajaan daripada syarikat-syarikat korporat dari dalam dan luar negeri dan seterusnya penglibatan masyarakat Malaysia keseluruhannya termasuk Yang Berhormat sendiri dijangka penganjuran Sukan Komanwel 1998 akan mendapat keuntungan sebanyak lebih kurang \$13 juta.
- (d) Sekiranya Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998, insya Allah, Kementerian Belia dan Sukan akan mendapatkan nasihat dari

pihak berkuasa dan pihak pakar mengenai ujian AIDS terhadap pegawai dan ahli sukan yang akan mengambil bahagian kelak.

**Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bilakah keputusan atau kemuncak kempen ini berakhir dan boleh menentukan sama ada negara kita Malaysia akan dipilih bagi menganjurkan Sukan Komanwel ini pada tahun 1998. Yang kedua, sekiranya negara ini dipilih pada tahun tersebut, apakah Malaysia sudah mempunyai kelengkapan yang mencukupi terutamanya stadium dan juga tempat penginapan para atlit bagi menerima kedatangan mereka dalam sukan tersebut.

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama tadi, kemuncaknya ialah pada 21hb Julai, 1992 di Sukan Olimpik, Barcelona di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita sendiri akan bersama-sama dalam majlis promosi tersebut. Yang keduanya, pada ketika apabila Malaysia dipilih pada tahun 1998, kita yakin bahawa kelengkapannya memang cukup dan kita telahpun bersedia dari sekarang dan mungkin Kompleks Sukan di Labuan juga akan siap pada ketika itu.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Sukan Komanwel ini merupakan salah satu daripada sukan-sukan yang besar di dunia, dan pembangunan sukan di negara kita berada di tahap yang sedang membangun, begitu juga dari segi pembangunan atlit kita berada di tahap yang sedang dibangunkan, apakah

alasan-alasan yang munasabah yang menyebabkan Kerajaan khususnya pihak Kementerian terlalu berhasrat untuk menganjurkan Sukan Komanwel ini?

Soalan yang kedua, jika sekiranya kita berjaya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, sejauh manakah kesan langsung khasnya dari segi pencapaian sukan negara pada masa yang akan datang?

**Dato' Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berpandangan jauh sejajar dengan matlamat Wawasan 2020. Sebab itulah kita mempunyai cita-cita yang tinggi pada tahun 1998 ini bahawa kita ingin menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel. Dan insya Allah kita juga mungkin satu hari nanti akan berhasrat untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik pula. Insya Allah. Itulah wawasan kita sejajar dengan Wawasan 2020 yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dari segi pembangunan atlit kita, kita telahpun sekarang ini sedang mengatur beberapa rancangan tertentu untuk mencungkil, melatih dan melahirkan bakat-bakat atlit daripada kalangan rakyat negara kita supaya pada tahun yang berkenaan kita mempunyai satu pasukan atau kontinjen yang mantap dan kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar

*(Soalan No.5 Y.B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No.6 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

## ELAUN SARA HIDUP/SEWA RUMAH BAGI KAKITANGAN KERAJAAN

**7. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk memberikan elaun sara hidup dan sewa rumah mengikut kos kehidupan sesebuah kawasan atau bandar; dan
- (b) jika tidak, apakah rancangan Kerajaan bagi membantu meringankan beban pegawai dan kakitangan Kerajaan yang tinggal dalam kawasan bandar seperti Johor Bahru yang mana kos hidupnya adalah tinggi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan elaun-elaun sara hidup dan sewa rumah mengikut kos kehidupan sesebuah kawasan atau bandar sebagaimana Yang Berhormat bangkitkan itu.

Di bawah Sistem Saraan Baru aspek peningkatan kos hidup bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mendiami kawasan-kawasan bandar yang besar seperti Johor Bahru telah diambil kira oleh Kerajaan. Walaupun begitu Kerajaan akan terus menjalankan kajian dari masa ke semasa untuk meneliti aspek profail sosio-ekonomi anggota-anggota perkhidmatan awam yang mendiami sama ada di kawasan metropolitan, bandar besar ataupun bandar-bandar kecil.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, di antara sebab kos hidup di Johor Bahru tinggi adalah disebabkan kemasukan orang-orang Singapura dengan ramainya untuk

membeli-belah di Johor Bharu. Kemasukan orang-orang di Singapura ini melalui Tambak Johor tidak boleh sekali-kali dianggap sama dengan kemasukan pelancong ataupun orang-orang asing melalui entry points yang lain. Jadi soalan saya, bagi membolehkan Kerajaan merancang dan membiayai rancangan-rancangan untuk meringankan kos hidup yang tinggi, khususnya di Johor Bahru, adakah Kerajaan bercadang mengeksploit kemasukan orang-orang Singapura ini dengan mengenakan mereka bayaran masuk, misalnya sama ada ke atas diri mereka secara individu ataupun ke atas kereta mereka sebagaimana mereka baru-baru ini memperkenalkan sistem baru ke atas kereta-kereta Malaysia yang akan masuk ke negara mereka?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, fenomena kemasukan rakyat jiran ke negara jiran ini adalah merupakan biasa berlaku di mana-mana tempat. Misalnya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dari Singapura ke Malaysia. Memang rakyat Malaysia masuk ke negeri Thai dan sebaliknya. Ini merupakan fenomena biasa. Bagi kita ialah kita beranggapan apabila kemasukan lebih ramai rakyat Singapura yang berbelanja di Johor Bahru yang merupakan pendapatan tambahan dan mendapat foreign exchange yang lebih daripada kemasukan mereka itu.

Walaupun secara asasnya kita bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu bahawa kos kehidupan meningkat akibat daripada kemasukan mereka ini tetapi di sebaliknya tambahan pendapatan kepada negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi jika dibandingkan di masa-masa yang lalu.

Jadi, buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mengenakan sebarang bayaran kemasukan bagi orang-orang dan juga kereta-kereta yang masuk ke negara kita.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, memang ada hasilnya daripada sudut ekonomi kalau dipandang dari segi kemasukan rakyat Singapura ke Johor. Tetapi oleh kerana kemasukan rakyat Singapura sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Johor Bahru tadi mengatakan juga mereka bukan pelancong biasa. Mereka ini datang membeli rumah dan membeli tanah. Daripada sudut keselamatan dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu, adakah kajian yang menyeluruh dibuat supaya orang yang datang itu bukan just any person with the money?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju tentang pandangan ini. Tetapi soalnya peningkatan kos hidup bukanlah akibat dari pembelian tanah dan pembelian rumah tetapi harga barangan yang dijual di Johor Bahru melambung tinggi, barang keperluan harian yang tidak bersangkut-paut dengan pembelian rumah dan tanah. Jadi, soalnya kita mengakui kebenaran itu. Seperti yang saya sudah sebutkan tadi Kerajaan memang mengkaji dari masa ke semasa bagaimana hendak mengatasi masalah yang sedang berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Joseph Voon.

*(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Joseph Voon tidak hadir)*

## BUKU TEKS DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

**9. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab murid-murid sekolah rendah dibebankan dengan membawa buku-buku yang terlalu

banyak. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil supaya bilangan buku-buku yang dipaksakan kepada ibu bapa murid-murid ini membelinya dapat dikurangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut dasar yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan sekarang, murid-murid sekolah rendah hanya menggunakan satu judul buku teks bagi setiap mata pelajaran, kecuali bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang mempunyai dua judul buku teks. Oleh itu murid-murid tidak sepatutnya dibebankan dengan membawa buku-buku yang terlalu banyak kerana bukan semua mata pelajaran diajarkan setiap hari.

Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa buah sekolah yang memberi lebih penekanan kepada penggunaan buku-buku kerja di sekolah. Berkemungkinan akibat penggunaan buku-buku kerja itu menyebabkan bilangan dan berat buku yang perlu dibawa oleh murid-murid bertambah.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya murid-murid sekolah rendah tidak dibebankan dengan membawa buku-buku yang terlalu banyak ialah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas untuk menghadkan penggunaan buku kerja di sekolah;
- (ii) memastikan guru-guru dan murid-murid mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan;
- (iii) latihan-latihan diberi kepada murid-murid dalam bentuk lembaran-lembaran kerja sahaja dan bukan dalam bentuk buku-buku kerja; dan

- (iv) memastikan hanya buku-buku teks, buku tulis dan latihan berkenaan sahaja dibawa ke sekolah melalui penggunaan jadual waktu yang cekap oleh pihak sekolah.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah baik di sekolah rendah ataupun sekolah menengah sekarang ini ialah berorientasikan peperiksaan. Oleh itu segala tumpuan dan usaha guru-guru kepada murid-murid ditumpukan untuk lulus peperiksaan dengan baik. Di peringkat sekolah rendah kita ada UPSR dan dengan tempat yang terhad untuk murid-murid yang terbaik ke asrama penuh, maka pertandingan ini bertambah hebat. Sebab itulah sekolah-sekolah bertanding dengan hebatnya untuk menggesa murid-murid supaya mendapat markah yang terbaik.

Jadi oleh kerana pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan ini, maka kita dapati bahawa murid-murid ini dibebankan dengan sebanyak mungkin buku-buku akademik dan sebagainya. Jadi, tidakkah Kerajaan dan pihak Kementerian akan membuat satu cara yang lain untuk menilai dan menapis murid-murid yang baik bukan semata-mata menilai dari segi prestasi peperiksaannya sahaja tetapi menilaikan prestasinya semasa belajar di sekolah.

Adakah Kementerian akan menilai semula cara-cara memproses kemasukan murid-murid daripada sekolah rendah ke asrama penuh?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat itu. Memang soalan itu adalah terlalu luas untuk saya menjawab dengan tepatnya tetapi saya akan cuba memberikan maklumat untuk Ahli Yang Berhormat dan Dewan

yang mulia ini bahawa Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah kita ialah untuk memberikan satu pendidikan asas dan untuk mencapai matlamat itu kita menggalakkan supaya aktiviti-aktiviti yang menarik diadakan di sekolah.

Jadi kemungkinannya kita adalah dalam satu jangka di mana KBSR baru dilaksanakan lebih daripada 6 tahun, di mana peralihan sikap ke arah pencapaian dan penilaian ke atas pencapaian akademik di mana ini masih ditumpu seperti dahulu, kerana dalam perjalanan pelaksanaan KBSR ini, kita senantiasa menggalakkan suasana yang baik dan memupukkan satu sikap di kalangan pelajar-pelajar kita, khususnya di sekolah rendah, untuk membentuk satu sikap cinta kepada ilmu atau membentuk satu budaya ilmu, supaya mereka ini dapat mencapai potensi-potensi yang sedia ada kepada mereka itu.

Jadi, dari segi proses penilaian ini sebenarnya di peringkat UPSR tidak ada lagi kita menyatakan ada kelulusan atau tidak. Ini yang disalah anggapkan bahawa dalam kita memberikan penilaian A, B, C sampai F ia hanya memberikan bahawa satu penilaian penguasaan bahasa dan pembangunan pelajar-pelajar itu. Jadi, dari segi itu dalam peringkat sekolah menengah rendah nanti, kita mengalirkan mereka supaya dengan penilaian pencapaian ini dapatlah kita memberi tumpuan dan kaedah-kaedah tertentu untuk mengajar dengan tepat kepada kumpulan sasaran mengikut keupayaan mereka ini dan inilah sebenarnya asas dalam pelaksanaan Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah kita.

**Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini ada dua kartun dibuat bagi menandakan perkara ini sangat popular dan serius

berlaku tahun demi tahun, iaitu LAT telah membuatkan kartun yang budak itu bawa beg sampai jatuh terlentang kerana terlampau banyak buku di dalamnya. Yang seorang lagi kartun NAN menunjukkan budak bawa troli emaknya untuk mengangkut buku ke sekolah. Ini menunjukkan satu keadaan di mana sekarang ini mungkin ada sindiket yang mengolah buku-buku dan dibawa ke sekolah-sekolah untuk dijual kepada anak-anak murid.

Satu perkara yang serius berlaku, saya telah menemui iaitu seorang murid yang pada mulanya sihat tetapi oleh kerana dia terlalu banyak bawa buku dan terpaksa melalui jejambat yang tinggi di salah sebuah sekolah di Ipoh dan biasanya bas sekolahnya lewat dan dia takutkan guru, maka dia berlari ikut jejambat itu naik dan turun, lama-lama murid ini kena penyakit lelah. Murid ini membawa bekal makanan, beg buku sekolah di belakang dan ada buku yang dijinjit di tangan lagi, style sekarang ini ada buku yang dibimbit.

Jadi, inilah yang saya melihat bukan mengenai satu-satu tempat sahaja bahkan di seluruh Malaysia perkara ini berlaku dan mungkinkah circular ataupun surat pekeling daripada Yang Berhormat Menteri ini mendatangkan kesan kalau sekiranya tidak ada satu tindakan yang menyeluruh dan mendalam untuk membaikinya. Bila ditanya tentang hal ini murid-murid kata: "Guru suruh bawa semua buku."

Jadi, inilah yang saya pun hairan, pada masa kami belajar pada masa dahulu ada jadual buku dan yang kena bawa ialah hanya buku yang dijudualkan.

Soalan saya, adakah pihak Kementerian boleh memastikan yang perkara ini dapat dikurangkan pada masa hadapan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang begitu panjang. Saya sedar bahawa ada kartun-kartun yang telah dikeluarkan oleh LAT dan NAN dan itu satu kartun yang baik sekali dan saya percaya bukan ditumpu kepada Kementerian Pendidikan sahaja tetapi kepada semua masyarakat kita bahawa pendidikan ini adalah dipertanggungjawabkan kepada semua lapisan masyarakat. Di mana saya nyatakan tadi, kita telah mengeluarkan surat khas dan juga dengan bentuk bahagian mata-mata pelajaran dengan jam dan waktunya. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun satu sahaja sepatutnya kita ada empat buah buku sahaja, satu untuk Bahasa Malaysia, satu untuk Methematik dan dua untuk Pendidikan Islam. Ini bagi sekolah rendah kebangsaan.

Dan untuk tahun kedua, satu buku Bahasa Malaysia, satu buku Mathematik, dua buku Agama Islam dan satu buku Pendidikan Moral. Jadi, tiap-tiap pelajar hanya ada tiga buku sahaja. Ini adalah satu usaha seperti yang saya katakan tadi mengenai penggalakan menggunakan buku kerja, Kementerian telah mengeluarkan circular ikhtisas atau surat pekeliling untuk menyatakan bahawa kita tidak begitu menggalakkan penggunaan buku kerja kerana buku teks adalah asas untuk pengajaran dan pembelajaran dalam bilik-bilik darjah kita.

Tetapi kalau masalah seperti ini wujud, saya haraplah kalau Yang Berhormat sendiri boleh dengan pengalaman sebagai seorang guru dahulu bolehlah juga menasihatkan mana-mana pihak yang boleh juga memberi sumbangan supaya masalah ini, yang saya nyatakan tadi, yang membebaskan budak-budak kita dapat diringankan.

Di sini saya mengambil kesempatan bahawa satu fakta yang spesifik tadi bahawa anak yang telah jadi sakit sesak

nafas itu, mungkin saya boleh siasat tetapi dari pengalaman saya sebagai seorang doktor, perkara ini mungkin ada sebab-sebab yang lain.

## PENGELUARAN PERMIT TEKSI DI SELURUH NEGARA

**10. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit teksi yang telah dikeluarkan di seluruh negara mengikut negeri; dan
- (b) apakah langkah yang dibuat untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan teksi di luar bandar seiring dengan bandar

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Awam.

Jumlah lesen teksi kereta sewa yang dikeluarkan di seluruh negara sehingga 31hb Disember 1990 ialah sebanyak 32,771 lesen. Dan pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

| <i>Negeri</i>       | <i>Jumlah Lesen<br/>dikeluarkan</i> |
|---------------------|-------------------------------------|
| Perlis              | 443                                 |
| Kedah               | 2,361                               |
| Pulau Pinang        | 1,409                               |
| Perak               | 3,763                               |
| Selangor            | 2,500                               |
| Wilayah Persekutuan | 8,701                               |
| Pahang              | 1,695                               |
| Kelantan            | 1,997                               |
| Terengganu          | 1,014                               |
| Negeri Sembilan     | 1,563                               |
| Melaka              | 1,166                               |
| Johor               | 5,258                               |
| Sabah               | 540                                 |
| Sarawak             | 371                                 |

Syarat-syarat lesen teksi dan kereta sewa yang sedia ada telah mencukupi untuk memastikan perkhidmatan kereta sewa di luar bandar memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Awam sentiasa mengadakan kursus-kursus dan dialog-dialog dengan Kesatuan-kesatuan Pengusaha-pengusaha dan Pemandu-pemandu Kereta Sewa di luar bandar agar mempertingkatkan perkhidmatan mereka dan menjadikan perusahaan pemandu kereta sewa sebagai suatu kerjaya sekali gus meningkatkan prestasinya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian Perusahaan Awam sedar bahawa banyak pemegang-pemegang atau pemilik-pemilik permit teksi ini telah menjual permit mereka. Dan jika sekiranya pihak Kementerian sedar, apakah tindakan telah diambil kepada mereka yang terlibat.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mendengar kisah-kisah di mana banyak permit-permit teksi ini dijual. Tetapi sebenarnya kita tidak mendapat kepastian yang ianya dijual. Jadi, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti bahawa permit-permit teksi ini dijual, tetapi bukan disewakan sementara tuan punyanya sakit dan sebagainya maka tindakan boleh diambil terhadap lesen-lesen ataupun permit teksi yang berkenaan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan untuk Perusahaan Awam, adakah Kementerian Perusahaan Awam menyedari bahawa kebanyakan pemandu-pemandu teksi di seluruh negeri adalah penyokong kuat dan taat kepada parti Pembangkang khususnya

DAP dan untuk mengorbankan penyokong-penyokong parti Pembangkang yang bekerja sebagai pemandu teksi dan memberi keutamaan kepada anggota-anggota Barisan Nasional, maka satu syarat yang amat dibencikan—obnoxious, telah dilaksanakan oleh Menteriannya dengan menambah satu syarat dalam borang permohonan lesen teksi yang baru di mana semua pemohon mesti diwajibkan mengisi dalam ruangan supaya menyatakan apakah latar belakang parti politik yang mereka menyertai. Apakah sebabnya dan apakah syarat ini berkaitan dengan permohonan, bukannya pengalaman seseorang pemohon sebagai pemandu teksi yang penting sekali tanpa mengira kaum atau parti politik yang mereka menyertai. Bukankah ini satu syarat yang paling dibencikan dan bukannya ini satu keadaan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, jangan berucap, kemukakan soalan. Sudah panjang, cukuplah. Kita telah mengerti apa soalnya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin bukan datang daripada.....

**Tuan Tan Kok Wai:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudah cukup. Saya sudah katakan soalnya sudah cukup jelas.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin bukan datang daripada Kementerian Perusahaan Awam tetapi saya rasa soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu soalan yang saya rasa tidak tepat. Saya rasa

tidak ada, saya pun ada juga melihat borang permohonan permit teksi tetapi tidak ada disyaratkan menetapkan dari parti apa kita datang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Bohong. *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, jangan bising. Yang Berhormat, duduk!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bertanya pegawai dan kalau apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak tepat, saya akan buat satu kenyataan di luar Dewan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati banyak kereta-kereta sewa di ibu kota ini yang buruk-buruk. Apakah tidak ada cadangan pihak Kementerian untuk membataskan bahawasanya kereta-kereta di ibu kota ini hanyalah kereta-kereta sewa yang baru sahaja demi menjaga imej Bandaraya kita?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, daripada segi Kementerian, memang Kementerian berhasrat untuk melihat kereta-kereta sewa yang canggih-canggih, yang baik-baik sahaja bergerak di jalan-jalan raya dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang minta hanya kereta-kereta sewa yang baik sahaja dibenarkan bergerak di jalan raya, akan diambil pertimbangan.

#### **KEMPEN PEMBALAKAN OLEH PERTUBUHAN ALAM SEKITAR**

**11. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah program yang dijalankan oleh

Kerajaan bagi menangkis kempen yang dijalankan oleh Pertubuhan Alam Sekitar terhadap kesan pembalakan di negara ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 30.10.1991 semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Tambun dan saya tidak berhajat untuk membuat sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi memelihara alam sekitar dalam konteks isu pembalakan ini, khususnya dalam konteks kerjasama baru di antara negara Malaysia dengan negara membangun, maka soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan sudah membuat satu keputusan untuk menghadiri Earth Summit yang akan diadakan di Rio de Janeiro pada bulan Jun tahun akan datang sebab ianya menjadi satu forum yang paling sesuai. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan menghadiri mesyuarat tersebut sebagai jurucakap (spokesman) untuk dunia yang sedang membangun?

Soalan kedua, adakah satu rancangan sekarang disediakan supaya pada peringkat Menteri-menteri berkenaan, satu mesyuarat antarabangsa akan diadakan di Kuala Lumpur di antara 27hb hingga 29hb April tahun akan datang untuk negara-negara sedang membangun supaya membuat satu preparatory committee untuk Earth Summit yang akan datang ini? Saya ingin minta maklumat ini sahaja.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya belum dapat lagi diberi

kepastian dan kajian-kajian sedang dibuat oleh Kementerian sama ada kehadiran kita itu menguntungkan atau sebaliknya. Begitu juga apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam mesyuarat yang diadakan pada bulan April nanti, juga sedang dikaji apakah cara dan bagaimana cara untuk melahirkan mesyuarat itu dan bagaimana cara untuk mendapatkan manfaat atau faedah hasil daripada mesyuarat? Jadi, dalam Dewan yang mulia ini saya tak dapat lagi memberi jawapan yang jelas kerana masanya masih dalam kajian.

### INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA

**12. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesannya Tahun Melawat Indonesia terhadap industri pelancongan di negara ini;
- (b) jumlah pelancong yang datang ke Malaysia bagi tahun-tahun 1985 hingga 1991; dan
- (c) apakah usaha-usaha bagi menambahkan jumlah pelancong supaya melawat ke negara ini dan sejauh manakah langkah yang sedang dan akan diambil itu akan berhasil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mendapati Tahun Melawat Indonesia tidak memberi kesan-kesan negatif kepada pembangunan industri pelancongan negara. Sebaliknya, Malaysia mendapat keuntungan dari

usaha galakan pelancongan yang dijalankan oleh Kerajaan Indonesia kerana pada kebiasaannya pelancong-pelancong yang datang ke rantau ini akan juga mengambil peluang untuk melancong ke beberapa buah negara lain yang berdekatan di samping destinasi utamanya.

- (b) Perangkaan jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia dari tahun 1985 hingga 1990 adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Jumlah Ketibaan Pelancong (Orang)</i> |
|--------------|--|
| 1985         | 3,109,000                                |
| 1986         | 3,217,000                                |
| 1987         | 3,359,000                                |
| 1988         | 3,624,000                                |
| 1989         | 4,846,000                                |
| 1990         | 7,477,000                                |

Untuk tahun 1991, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menganggarkan jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia adalah seramai 5.8 juta orang.

- (c) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan terus menjalankan kegiatan pemasaran dan galakan pelancongan yang menyeluruh dan berterusan dalam usaha-usahanya untuk meningkatkan jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia.

Aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran dilaksanakan di pasaran-pasaran berpotensi yang telah dikenalpasti untuk memastikan pulangnya adalah berpatutan dengan perbelanjaan yang dilakukan dan selaras dengan keperluan perancangan dan pembangunan industri pelancongan negara.

Kementerian ini juga melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasaran dengan kaedah kempen pengiklanan, promosi galakan, perhubungan awam dan penyibaran maklumat.

Kementerian ini yakin bahawa rancangan dan langkah-langkah di atas akan berhasil, insya Allah.

**Che Ibrahim bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu fenomena yang berleluasa sejak mutakhir ini dalam industri pelancongan ialah wujudnya industri percutian golf yang akibat daripadanya ialah kita lihat bercambahnya padang-padang golf (resorts) yang bukan sahaja sekadar mempopularkan permainan golf sebagai satu permainan, tetapi di samping itu ialah sedang mempopularkan satu cara hidup yang penuh elitis, eksklusif dan gaya hidup yang penuh dengan mewah. Soalannya ialah sejauh manakah industri ini boleh menguntungkan industri pelancongan di negara kita dan apakah Kerajaan sedar tentang kesan-kesan sampingan daripada industri ini?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan matlamat pelancongan negara, kita ada beberapa strategi yang telah ditetapkan. Namun begitu, golf bukanlah merupakan sebagai satu perkara yang dijadikan cara tarikan pelancongan yang utama. Walaupun kita tahu bahawa padang golf sekarang ada lebih kurang, kalau tak silap saya, 105 ataupun 108, tetapi lebih daripada 60% padang golf itu didirikan sejak waktu British lagi dan hanya 25% sahaja sekarang ini. Kita juga dapati bahawa ramai pelancong-pelancong yang suka melancong ke negara-negara adalah kerana minat mereka di dalam kegiatan golf. Jadi dalam hal ini, dalam konteks yang saya sebutkan tadi, golf bukanlah merupakan sebagai satu cara tarikan utama kita, kerana cara tarikan

utama kita ialah alam semula jadi dan sebagainya. Tetapi tempat-tempat atau padang-padang golf yang dibuat ini bukan sahaja akan secara langsung memberi daya tarikan kepada mereka yang berminat kepada golf, tetapi ramai juga pekerja-pekerja yang telah mendapat peluang daripada industri golf ini. Ia dilaksanakan bukan sahaja bertujuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kepada mereka daripada golongan elit, tetapi ia juga membantu dari segi alam semula jadi ataupun dari segi suasana kehijauan di dalam negara kita, terutamanya tempat-tempat yang memastikan adanya tempat-tempat hijau, terutama sekali di dalam kawasan-kawasan bandar

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak marah, iaitu salah satu peranan untuk membawa pelancong ini ialah peranan perhotelan. Lazimnya hotel-hotel ini dihias dengan begitu hebat sekali, terutamanya di musim-musim perayaan. Saya dapati perhiasan hotel-hotel sewaktu perayaan Krismas mengatasi perayaan-perayaan lain sehingga kita dapati orang-orang Melayu ataupun orang-orang Islam di kalangan pekerjanya memakai pakaian Santa Claus. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengenai dengan apakah perkara seumpama ini digalakkan dalam tujuan untuk menarik pelancong-pelancong?

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, tetapi dari segi promosi hotel-hotel itu, mereka perlu mengadakan sambutan-sambutan itu. Walau bagaimanapun, saya tidak bersetuju sepertimana kata Yang Berhormat bahawa kita telah

memberikan penekanan yang lebih kepada satu-satu kebudayaan, tetapi kalau Yang Berhormat sedar bahawa hotel-hotel juga memberi kerjasama kepada Kerajaan dengan umpamanya pada waktu bulan puasa mereka menyambut bulan puasa itu selama sebulan untuk memberi peluang kepada mereka yang berpuasa untuk berbuka puasa dan sebagainya dan pada waktu perayaan Hari Raya juga mereka telah mengadakan pertunjukan ataupun pameran yang begitu baik dengan lampu-lampunya yang menarik.

Jadi, oleh kerana dalam dasar ataupun strategi untuk menarik pelancong ke negara kita, sepertimana yang kita maklum, negara kita terdiri daripada berbagai kaum dan agama, maka pada pandangan Kementerian ini, sepanjang yang kita ketahui, apa yang dilaksanakan oleh pihak perhotelan adalah masih lagi tidak memberi apa-apa perkara yang mudarat kepada pelancongan.

### BEKAS KOMUNIS MENYERAH DIRI

**13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai bekas-bekas komunis yang telah menyerah diri dan balik ke pangkuan masyarakat dan apakah keistimewaan mereka jika dibandingkan dengan bekas-bekas perajurit.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Jun 1948 sehingga 31 Disember 1990, seramai 3,464 orang bekas-bekas komunis telah menyerah diri dan balik ke pangkuan masyarakat selepas melalui proses pemulihan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping. Mereka dibebaskan selepas Kerajaan berpuas hati bahawa mereka tidak lagi mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara.

Mengenai bekas-bekas Parti Komunis Malaya yang tertakluk kepada Perjanjian 2hb Disember 1989, 13 orang telah kembali ke pangkuan masyarakat. Kerajaan tidak memberi apa-apa keistimewaan kepada mereka dari segi bantuan, tetapi hanya dibantu sekadar menolong mereka untuk kembali dan menyesuaikan diri dengan alam persekitaran yang baru. Usaha ini adalah penting supaya mereka tidak lagi berpatah balik kepada kegiatan komunis. Sementara bantuan yang diberi oleh Kerajaan kepada bekas-bekas perajurit pula adalah sebagai mengenangkan jasa mereka dalam mempertahankan keselamatan, keutuhan dan kedaulatan negara.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui dari segi proses pemulihan terutamanya bagi bekas-bekas komunis yang telahpun pulang ke pangkuan masyarakat, berapa lamakah mereka menjalani proses pemulihan ini dan apakah kriteria yang digunakan? Maksudnya, sama ada proses itu sebulan, dua bulan ataupun seperti secara tidak langsung syarat tahanan ISA sesudah didapati bersalah, maknanya sekurang-kurangnya dua tahun.

Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah pihak berkenaan mengenalpasti dari segi bahawa seseorang yang dahulunya komunis boleh kembali ke pangkuan masyarakat di mana mereka ini sudah sedar dan tidak akan lagi balik kepada fahaman komunis. Jadi, bagaimanakah bentuk kriteria dan berapa lamakah proses mereka ini menjalani pemulihan tersebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, proses pemulihan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang dapat saya faham

adalah proses yang dijalankan untuk mereka di dalam pusat tahanan terutamanya Pusat Tahanan Kamunting. Masa yang diambil tidak tetap, boleh jadi dari dua tahun hingga beberapa tahun, iaitu di dalam pusat perlindungan atau pemulihan itu, pihak berkuasa akan dari semasa ke semasa meneliti dan menilai sehingga pihak berkuasa berpuas hati bahawa mereka yang dibawah proses pemulihan itu sudah benar-benar tidak akan lagi mendatangkan sebarang ancaman kepada keselamatan.

Kriteria ataupun cara-caranya adalah biasa, iaitu mereka mesti faham tentang undang-undang negara, mereka mesti sentiasa mematuhi dan taat setia kepada Raja dan negara dan juga mereka mesti menerima hakikat bahawa negara kita adalah sebuah negara yang sistemnya ialah sistem Raja Berperlembagaan, oleh itu cara-cara pengganasan komunis itu adalah tidak sesuai. Jadi, dari segi itu apabila sesuatu pemulihan itu sudah kita anggap lengkap, masanya mungkin dari dua tahun atau lebih untuk golongan. Saya ingin jelaskan supaya tidak timbul salah faham, bekas-bekas komunis yang saya sebutkan tadi itu adalah semua mereka yang tidak termasuk dalam golongan di bawah Perjanjian PKM di Haadyai, itu adalah golongan yang lain.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa untuk soal jawab sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 6, 8, 14 dan 15 adalah diberi di bawah ini*)

(*Soalan No. 5. Sila lihat jawapan No. 14 pada 15.11.91*)

## PEMBINAAN SEKOLAH MENENGAH/RENDAH

**6. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Pendidikan menyatakan senarai tempat-tempat yang telah diluluskan untuk pembinaan Sekolah-sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Kebangsaan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 berdasarkan pecahan yang dilaksanakan sepanjang lima tahun bermula daripada tahun 1992, 1993, 1994, 1995 dan 1996:

- (a) di seluruh negara;
- (b) di Daerah Kota Belud.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, bermula dari tahun 1991 hingga 1995 Kerajaan akan membina sejumlah 596 buah sekolah menengah di seluruh negara. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Bil. Sekolah Menengah</i> |
|--------------|------------------------------|
| 1991         | 95 buah                      |
| 1992         | 125 buah                     |
| 1993         | 125 buah                     |
| 1994         | 125 buah                     |
| 1995         | 126 buah                     |
| Jumlah       | 596 buah                     |

Dalam tempoh yang sama Kerajaan akan membina 1352 buah sekolah rendah di seluruh negara. Pecahannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Bil. Sekolah Rendah</i> |
|--------------|----------------------------|
| 1991         | 108 buah                   |
| 1992         | 311 buah                   |
| 1993         | 311 buah                   |
| 1994         | 311 buah                   |
| 1995         | 311 buah                   |
| Jumlah       | 1352 buah                  |

(b) Di daerah Kota Belud Sabah di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam Kementerian Pendidikan akan membina 3 buah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah kebangsaan.

### JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN DI SABAH

**8. Tuan Joseph Voon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan di Negeri Sabah; dan
- (b) Daripada jumlah ini berapakah Jabatan dan agensi yang diketuai oleh rakyat Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul)**

- (a) Jumlah Jabatan dan Agensi Persekutuan yang wujud di Sabah adalah sebanyak 62 Jabatan.
- (b) Dari jumlah tersebut, 17 daripadanya adalah diketuai oleh rakyat Malaysia yang berasal dari Sabah.

### MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL—MELUASKAN BIDANGKUASA

**14. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah; dan

(b) sama ada Kementerian ber-cadang untuk meluaskan bidangkuasa dan operasi mahkamah tuntutan kecil (small claims court) supaya mahkamah kategori ini dapat membantu meringankan beban mahkamah-mahkamah yang lebih tinggi.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar)**

(a) Untuk makluman Yang Berhormat soalan (a) ini telah dijawab apabila saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin pada 6.11.91. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

(b) Bagi menjawab soalan (b) pula, buat masa ini pihak mahkamah belum lagi mempunyai apa-apa cadangan untuk meluaskan bidangkuasa dan operasi mahkamah tuntutan kecil (small claims court).

### PENYAKIT AIDS

**15. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan Kementerian beliau bagi membendung penyakit AIDS daripada lebih merebak di negara ini. Nyatakan bilangan mereka yang telah dikesan menjadi pengidap AIDS sehingga Ogos 1991.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran)** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI  
PARLIMEN (SARAAN)  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PROFESION UNDANG-UNDANG  
(PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (19hb Disember 1991)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

4.07 p.m.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan semalam, kita perlu mengetahui dan mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan segelintir peguam yang salah laku, yang menyeleweng, yang cuai, yang menyebabkan tiap-tiap tahun lebih 3000 aduan terhadap pihak peguam.

Hari ini saya akan menyampaikan pendapat saya sebagai seorang doktor, bukan peguam, tetapi selok-beloknya

terserah kepada rakan saya, Yang Berhormat dari Jelutong untuk mendalami dan meneliti selok-beloknya yang telahpun ditanya oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman— beliau hendak tahu bila Yang Berhormat Jelutong akan menyampaikan pendapatnya. Memang semalam dia hendak tahu, tetapi di sini banyak rujukan-rujukan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Jelutong untuk maksud itu.

Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor-faktor yang menyebabkan keruntuhan sedikit dalam profesion guaman dari segi penghormatan, dari segi sanjungan oleh orang awam. Mungkin faktor-faktornya; yang pertama, segelintir peguam yang salah laku, yang tidak mempunyai etika, tidak mempunyai nilai yang lebih baik sehingga melakukan kesalahan dan penyelewengan.

Yang kedua, mungkin sistem pendidikan untuk pelajar-pelajar undang-undang tidak begitu sempurna, mungkin ketinggalan zaman di negara ini.

Yang ketiga, mungkin sikap Kerajaan terhadap para peguam, terhadap Majlis Peguam, mungkin merupakan salah satu faktor yang penting dan mungkin peranan akhbar di dalam liputan dan laporan kes-kes mengenai peguam dan sebagainya memainkan peranan yang penting, yang merupakan salah satu faktor. Jadi, kita perlu mengkaji faktor-faktor seperti ini untuk mengetahui keadaan yang sebenar dan seterusnya untuk membuat rumusan dan mencari penyelesaian untuk mempertingkatkan semula status atau kedudukan profesion peguam, profesion guaman di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang telah saya sebutkan tadi ialah sikap Kerajaan, walaupun pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat

Menteri Kehakiman telah berkali-kali menyatakan begitu tepat, begitu baik, begitu mematuhi kedaulatan undang-undang, the Rule of Law oleh pihak Kerajaan di dalam kes di mana Lord President, Tun Salleh Abas disingkirkan. Memang ada banyak kenyataan bagi pihak Kerajaan untuk mengesahkan, untuk mempertahankan tindakan Kerajaan terhadap Tun Salleh Abbas dan juga terhadap kelima-lima Hakim Mahkamah Agung dan juga tindakan yang diambil ke atas Setiausaha Majlis Peguam. Tetapi saya hendak menekankan di sini, Yang Amat Berhormat sebagai ketua cekerawati, pemimpin-pemimpin tertinggi Kerajaan, memang kadangkala dia buat yang betul, kadangkala dia buat tidak betul. Kalau buat yang tidak betul, bukan semestinya beliau sendiri yang membuat tidak betul, mungkin Menteri buat tidak betul ataupun ada ahli-ahli Kerajaan yang membuat tidak betul, dia terpaksa menanggung kerana dia ketua cekerawati.

Memang saya mengakui ada setengah-setengahnya dia buat betul juga, misalnya dia mempunyai fleksibiliti sedikit di dalam setengah-setengah bidang ekonomi untuk merangsang ekonomi negara. Jadi ada yang betul juga, tetapi pada pendapat saya walaupun saya bukan seorang peguam, sikap Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan terhadap Majlis Peguam, terhadap Judiciary adalah kurang tepat. Itu adalah pendapat saya mengenai penyingkiran Tun Salleh Abas dan juga tindakan ke atas kelima-lima Hakim Mahkamah Agung.

Kalau beliau boleh menunjukkan kefleksibilitan terhadap setengah-setengah bidang ekonomi, mungkin kalau sikap beliau boleh berubah sedikit, menunjukkan kefleksibilitan ini terhadap pihak Majlis Peguam, mungkin keadaan akan lebih baik lagi dan hubungan di antara Majlis

Peguam dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin akan pulih semula. Kerana saya nampak keadaan krisis keyakinan ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman semalam, pada pendapat saya bermula daripada tindakan Kerajaan terhadap Tun Salleh. Sejak itulah krisis ini bermula dan sejak itulah berbagai kenyataan dan tindakan diambil, besar kemungkinan.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk penjelasan. Adakah apabila mengatakan bahawa sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi lebih fleksibel kepada Bar Council maka krisis ini akan berakhir, tidakkah ini membuktikan bahawa apa yang diperkatakan oleh Majlis Peguam sebagai masalah prinsip, masalah basic itu sebenarnya adalah masalah personaliti, kalau masalah personaliti, adakah ini perlu diperluas-luaskan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan Parit yang Sulong itu bukan seorang peguam, tetapi dia ketinggalan zaman mengenai hal penyingkiran Tun Salleh serta sikap dan kedudukan Majlis Peguam. Mungkin Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menjadi salah satu penyokong Yang Amat Berhormat semasa beliau membentangkan pendapatnya ataupun pidatonya di Perhimpunan Agung UMNO (Baru). Ya, mungkin dia menjadi salah satu hulubalang penyokong untuk.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak mahu dia menyelelewangkan fakta, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin penjelasan sama ada ini melambangkan, apabila Yang Berhormat saudara saya yang terkepong fikirannya mengatakan bahawa masalah ini boleh selesai apabila ada fleksibiliti di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Bar Council, adakah ini bermakna apa yang didakwa oleh Bar Council sebagai masalah basic, masalah prinsip itu sebenarnya is a portrayal of masalah yang trivial atau masalah personaliti? Kalau ini, siapa yang menipu dalam kes ini? Siapa yang menjadi pembohong dalam kes ini? Ini tidak berkait sama ada saya menyokong atau tidak pemecatan yang telah dilakukan ataupun perkara yang telah berlaku kepada bekas Peguam Negara. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah pada mula tindakan diambil terhadap Ketua Hakim Negara, jadi sikap itulah yang kekurangan kefleksibilitan ini. Itulah pada permulaannya. Dengan menyinsingnya sikap seperti itu, maka langkah-langkah yang songsang dan songsong diambil. Itulah hakikatnya Parit yang Sulong.

Saya percaya pada akhir-akhir ini Yang Amat Berhormat besar kemungkinan dia pergi ke luar negara dan disoal oleh orang-orang asing mengenai hal krisis yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman ini, bagaimana Tun Salleh Abas dipecat dan sebagainya, mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dapat jawab dengan lebih sempurna, maka bila beliau kembali ke negara nampak berang, nampak garang sedikit di dalam Perhimpunan Agung UMNO (Baru). Wah! dia bidas semua peguam yang ada kena-mengena dengan Majlis Peguam, kerana membawa cerita yang tidak baik kepada orang-orang asing, seolah-olah para peguam asing itu begitu bodoh tidak dapat mendengar

dengan sendiri, tidak dapat menyaksikan dengan sendiri, tidak dapat menyiasat dengan sendiri.

Setengah-setengah para peguam antarabangsa ini adalah orang yang cerdik-pandai, dia bukan dengar sebelah pihak sahaja. Jadi, Yang Berhormat Menteri Kehakiman pun mungkin mengakui para peguam antarabangsa ini datang ke sini, siasat dengan sendiri, mereka menemui Yang Berhormat Menteri Kehakiman dan juga Yang Berhormat Karpal Singh, mereka dapat tahu siapa yang benar dan siapa yang tidak benar.

Saya tidak mengatakan semua pendapat pihak peguam asing itu betul. Ada setengah-setengah itu tidak betul juga. Mungkin dalam Asia Watch, misalnya, para peguamnya mungkin ada setengah-setengah pandangan itu tidak membayangkan keadaan sebenar. Tetapi kalau kita kata peguam daripada Majlis Peguam Negara ini pergi ke luar negara untuk menyampaikan pendapat yang tidak betul terhadap pemecatan Tun Salleh Abas dan tindakan ke atas ke lima-lima Hakim Mahkamah Agung, jadi saya berpendapat tidak betul kenyataan seperti ini dan perlu diubahsuai, perlu mengakui kenyataan seperti ini tidak sepatutnya dibuat. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kehakiman mengatakan tidak setuju dengan pendapat para peguam antarabangsa kerana tidak membayangkan keadaan sebetul, saya boleh anggap ini satu kenyataan pihak Kerajaan yang dari segi pihak Kerajaan itu betul. Tetapi menuduh mereka seolah-olah mereka bodoh, tidak dapat menyaksikan dan menghitung, mengamati dengan sendiri, kenyataan itu saya tidak boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kalau sikap kedua-dua pihak itu dapat diselesaikan secara tolak ansur, krisis ini boleh diselesaikan. Saya bukan seorang peguam, saya tidak tahu apa

yang berlaku di dalamnya, cuma saya hendak menyaksikan krisis ini dapat diselesaikan secara aman dan munasabah. Cadangan saya ialah sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan sedikit kefleksibelan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem pendidikan untuk pelajar-pelajar undang-undang, memandangkan sejak perang kedua sistem pendidikan undang-undang di negara ini saya nampaknya tidak begitu berubah buat bertahun-tahun. Mungkin ada setengah-setengah aspek itu ketinggalan zaman. Saya menyeru pihak Kerajaan terutama Kementerian Kehakiman mengkaji semula sistem pendidikan yang terdapat di ketujuh-tujuh fakulti undang-undang di Malaysia untuk mengetahui sama ada dapat diperbaiki, dapat menyesuaikan untuk menghadapi dekad 90an dan abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memetik pandangan daripada Morrison Report, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“A recent special report on a special course leading to the certificate in legal practice called the Morrison Report has stressed the need for the legal education here to reorientate its contents and the methodology in order to anticipate what the nation and the profession would face socially and commercially in the next decade or more.

It would be obstinately ostrich-like to refuse to be aware that such objectives cannot be isolated from the total context of society, culture, politics, law and commerce within which they, the lawyers must operate.

The report has proposed the setting up of a central body similar to the Council of England to monitor and control the education and

training of lawyers. However, this should only be applied at a later stage in the education and training of lawyers.”

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kerajaan dapat meneliti dan mengkaji laporan seperti ini untuk membantu kita mempertingkatkan mutu pendidikan undang-undang di negara ini, untuk menyahut seruan menjadikan negara ini lebih maju, lebih moden, lebih berindustri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi hendak saya tekankan di sini ialah mengenai pengambilan pelajar-pelajar undang-undang. Apakah sistem yang dibuat sekarang untuk memastikan para pelajar yang hendak mempelajari undang-undang ini mempunyai mutu dan etika bukan sahaja kelayakan peperiksaan, bahkan juga kelayakan nilai dan etika, yang sesuai supaya mereka menjadi peguam. Mungkin dengan prosedur-prosedur untuk pengambilan para pelajar undang-undang ini prosedur-prosedur yang lebih moden, yang lebih sesuai untuk mencungkilkan bakat-bakat peguam, kita dapat mengurangkan kes salah-laku di kalangan peguam di negara kita.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli dari Kepong tidak faham bagaimana orang jadi peguam, dan dia masih membuat cadangan. Pada hal perkara ini telah berlaku sekian lama ketika seseorang itu lulus undang-undang dimasukkan or called to the Bar, dengan izin, ianya disokong oleh affidavit yang mengatakan ianya prudent, sincere, of

utmost honesty, baru jadi peguam. Yang menjadi masalah yang patut dia bersyarah dalam Dewan ini kenapa setelah menjadi peguam tidak pula ada etika. Itu yang sepatutnya dia berucap di dalam Dewan ini. Saya pun dukacita kerana peguam yang di sebelah kanannya itu yang learned, dengan izin, dia tidak minta nasihat hendak bercakap. Mungkin ini dia tarik sana, tarik sini suka hatinya, asalkan bunyi law dalam suratkhbar itu, dia pun pulun. Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, apabila dia bercakap, dia suka sangat tengok pada saya, pada hal saya tidak kacau dia pun. (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, patut Larut ini apabila mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membidas para peguam itu, dia membangun untuk memberi penjelasan, tetapi saya nampak dia di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru itu dia sokong sahaja, diam sahaja. Apa pendapat seperti ini? Apa sikap seperti ini? Mungkin semasa beliau menjadi penuntut undang-undang, sistem pengambilan itu kurang cekap sedikit. Kalau sistem pengambilan undang-undang lebih baik, mungkin beliau tidak jadi peguam.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Larut bangun.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sistem kita dimasukkan atau called to the Bar tidak betul dan kurang cara pengambilannya, saya rasa Ahli dari Jelutong pun tidak boleh jadi peguam.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua,...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah Yang Berhormat, jangan menyentuh soal yang tidak berkenaan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau Yang Berhormat Jelutong itu ada di Perhimpunan Agung UMNO (Baru) dan dengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mesti dia bangun dan kata "itu tidak betul". "Keadaannya bukan seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat". Mesti dia kata. Jadi, Yang Berhormat Larut tidak berani.....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Peguam hendaklah berani, itulah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kepong keluar dari tajuk, kerana....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat bangun atas apa?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Saya hendak tanya dia sama ada.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak minta penjelasan atau hendak bangkitkan on the point of order.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Dia menyangka bahawa Ahli dari Jelutong akan bangun di Bangunan UMNO ketika Perhimpunan. Adakah

dia tahu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu bukan Ketua Bahagian UMNO dan tidak menjadi wakil?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan satu isu di sini. Yang menjadi isu ialah UMNO sekarang sedang dibuka di Sabah di mana ada orang bukan Islam yang sudah masuk dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa soal politik kepartian ini tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tanyalah lawyer di sebelah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah sistem pendidikan untuk pelajar undang-undang kita terpaksa dipertingkatkan untuk menjaga mutu, kualiti dan kaliber para peguam bagi abad 21 dan juga bagi dekad 90an. Itu yang saya maksudkan di sini. Dengan adanya banyak kes aduan terhadap peguam, lebih 3,000 setahun dan dengan adanya kes-kes salah laku, memang saya setuju kita mesti ada disiplin yang lebih ketat terhadap Peguam dan Rang Undang-undang hari ini ialah untuk mengadakan pelbagai kaedah untuk memperketatkan disiplin peguam.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kok Lanas bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup quorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Setiausaha, sila bilang.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup. Yang Berhormat Kepong, sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, kita perlu mengetatkan disiplin profesion guaman untuk menjaga imej, maruah dan kepentingan para peguam dan juga memelihara kepentingan orang awam. Ada beberapa perkara lagi mengenai Rang Undang-undang ini yang akan disentuh oleh Yang Berhormat dari Jelutong, termasuk skim insuran indemnity, termasuk tribunal penyiasatan dan juga Lembaga Tatatertib. Saya akan tinggalkan begitu sahaja, cuma saya hendak tekankan di sini ialah mungkin pihak Kementerian boleh mengkaji sistem pupillage yang ada sekarang kerana bilangan graduan undang-undang telah bertambah dan dengan bertambahnya bilangan ini, mungkin sistem pupillage yang ada sekarang terpaksa dikemaskinikan untuk memastikan semua graduan ini dapat memenuhi syarat-syarat dan dapat menjadi peguam yang baik. Kalau tidak silap saya pada tahun 1990 ada 611 lawyer yang memasuki BAR dan juga sehingga bulan Ogos tahun ini ada lebih 450 peguam yang memohon, yang membuat petisyen untuk memasuki BAR. Ini menunjukkan tiap-tiap tahun bilangannya meningkat dan dengan keadaan sedemikian kajian semula sistem pupillage memang diperlukan.

Akhir sekali saya merasa gembira juga kerana Rang Undang-undang ini tidak mengandungi hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga

hasrat Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang mula-mula ada satu cadangan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang supaya dapat mewujudkan satu Majlis Peguam yang baru. Sepertimana yang terdapat pada Kesatuan Sekerja, Kerajaan membenarkan.....

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya ingin meminta penjelasan, sama ada ini dibuat dari segi untuk menentukan kebenaran. Saya ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah menyebut mengatakan akan menubuhkan satu lagi Majlis Peguam dalam mana-mana statement. Jadi, janganlah Yang Berhormat bercakap bohong di dalam Dewan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap bohong, kerana ada laporan yang mengatakan hasratnya, kerana itu adalah kenyataan di dalam Perhimpunan Agung UMNO (Baru) iaitu dia mengeluarkan kenyataan untuk ambil tindakan terhadap para peguam misalnya, Kerajaan akan menimbang apa jua tindakan untuk membataskan kuasa Majlis Peguam.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Apa yang saya maksudkan tadi ialah perkara-perkara yang boleh mengelirukan, yang cuba mengabui mata rakyat dan membawa kepada perkara yang tidak benar. Itu yang saya minta. Bila kita berhujah di dalam hal ini, biarlah bercakap di atas perkara yang benar, kalau tidak bercakap di atas tajuk hasrat Kerajaan untuk menubuhkan Majlis Peguam—tidak ada.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ada Yang Amat Berhormat mengatakan, di samping itu apa juga tindakan yang melibatkan pindaan Perlembagaan akan turut dipertimbangkan. Apakah maksudnya kenyataan itu? Apakah maksud

kenyataan itu hendak membataskan kuasa Majlis Peguam dan juga hendak ambil tindakan termasuk pindaan Perlembagaan. Apakah maksudnya itu?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari sahabat saya ini. Pertama sekali saya hendak tanya dengan dia, adakah dia faham maksud perkataan “dipertimbangkan”? Adakah beliau sedar bahawa perkara pertimbangan, dengan izin, is inconclusive, jadi jangan cuba membawa gambaran perkara ini adalah satu yang conclusive: jangan cuba portray behaviour DAP bila saudara membicarakan hal ini. Dimintalah, kalau boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Apakah hasrat Yang Amat Berhormat di dalam ucapannya atau macam mana dia hendak bataskan, hendak pinda Perlembagaan? Dan kita boleh buat satu construed, mungkin dia hendak adakan satu Bar Council lagi, mungkin kita boleh buat satu keputusan macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kepong hendak beri jalan atau tidak, ada yang bangun.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Md. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang lawyer, jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Kepong ini, sama perkataan “membataskan”, “pinda Perlembagaan” untuk membataskan kuasa-kuasa Majlis Peguam ini sama dengan maknanya hendak menubuhkan satu lagi Majlis Peguam?

**Dr Tan Seng Giaw:** Okay. Dia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, he has announced his intention to amend the Bar's Charter to annul across which establishes the Bar Council political independent and to make provision for the government rather than Bar Council to discipline their members. Apakah maksudnya kenyataan itu?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Minta penjelasan. Maklumat itu Yang Berhormat baca daripada mana, apakah sumbernya, bolehkah dikatakan sumber itu sumber sahih apa yang Yang Berhormat baca itu, atau sumber daripada Asia Watch? Atau DAP punya mouthpiece?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan hal ini dan pada mulanya saya berkata, saya berasa gembira hal ini tidak dibangkitkan di dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi semuanya tak dengar, yang dengar itu kenyataan yang lain. Itu mungkin dikelirukan oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya faham Yang Berhormat ini seorang doktor dan Yang Berhormat dari Jelutong akan membantu beliau kemudian. Tetapi soalnya janganlah kita keliru berkenaan undang-undang negara dan Perlembagaan. Akta Profesion Undang-undang adalah akta yang mengandungi peruntukan mengenai Majlis Peguam, tak ada kena mengena dengan Perlembagaan. Jadi, daripada satu bahagian ke satu bahagian Yang Berhormat bercakap, sudah keliru. Saya jelas sekali Yang Berhormat tidak faham, tetapi sekarang Yang Berhormat pula cuba ambil satu petikan daripada satu rencana yang ditulis dan baca seolah-olah itu adalah naskah hujah untuk meyakinkan. Kalau Yang Berhormat kata tidak mengandungi hasrat, terima kasih dan habis macam itu tak apa. Tetapi soalnya kita tidak pernah mengatakan

kita akan "menubuhkan", itu yang saya hendak membuat penjelasan kepada Yang Berhormat supaya tak keliru.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau betul tidak mahu Bar Council yang baru, saya boleh menyetujui di sini. Dia tak mahu dah Bar Council yang baru sekarang, boleh disahkan di dalam Dewan yang mulia ini dan dia tidak akan mengeluarkan kenyataan seperti ini.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya suka betul Yang Berhormat pandai main perkataan. Saya menganjurkan kepada Yang Berhormat, masuk sekolah undang-undang, insya Allah Yang Berhormat boleh dapat bercakap dengan lebih baik lagi dalam segi undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bukan seorang peguam, saya mengakui dan banyak perkara guaman saya tak faham, tetapi apa yang saya katakan di sini, petikan saya mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat, itu dalam hitam-putih. Saya setuju Akta ini dengan Perlembagaan adalah tidak serupa, tak serupa. Itu bukan satu isu. Yang jadi satu isu ialah adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Majlis Peguam yang baru. Itu sahaja yang jadi satu isu. Jadi,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dulu, ada yang bangun. Batang Lular dulu. Kepong hendak beri jalan atau tidak?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tadi Yang Berhormat sudah menyebut menerima hakikatnya yang dia ini bukan peguam dan tahu sedikit sahaja berhubung dengan peguam ini, tetapi Yang Berhormat membacakan satu baris surat dan membuatkan interpretasi yang begitu luas, begitu besar sekali sampai perkataan yang tak ada pun dimasukkan dalam surat itu. Daripada mana undang-undang Yang Berhormat baca ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali apakah ertinya membataskan kuasa Majlis Peguam, apakah ertinya melibatkan pindaan Perlembagaan akan turut dipertimbangkan, kalau bukan satu ugutan terhadap Majlis Peguam. Jadi, Batang Lupar itu pun peguam juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong pula bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Parit Sulong bukan peguam. Saya menunjukan kepada peguam, pembuat undang-undang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang faham inilah fe'el orang putarbelit. Saya dengar dengan jelas, dia mengiktiraf, mengakui bahawa dia merasa gembira kerana tidak ada dimasukkan dalam Rang Undang-undang pindaan ini peruntukan untuk menubuhkan satu badan peguam yang baru, tetapi jangan terus ulas perkara yang tidak berlaku, hypothetical. Saya bukan seorang peguam, sama dengan Yang Berhormat, tetapi please limit your understanding, dengan izin. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, kenapa harus dibangkitkan perkara yang hypothetical. Adakah ini dengan niat untuk mempolitikkan perkara ini? Tidak cukupkah DAP mempolitikkan masalah peguam ini dalam pilihanraya umum yang lalu dan telah dibuktikan sebagai kecundang dalam hal ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tak kena mengena soal kecundang dalam hal ini—tak kena mengena langsung. Yang saya maksudkan di sini ialah begitu gembira tidak ada peruntukan seperti itu dan yang kedua, saya berharap pihak Kerajaan, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menunjukkan sedikit kefleksibelan

untuk menyelesaikan masalah krisis di antara Kerajaan dengan Majlis Peguam. Itu sahaja yang dibangkitkan, yang dimaksudkan, yang diertikan.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Larut bangun. Beri jalan?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Berhormat dari Kepong berkeyakinan bahawa Perdana Menteri ada flexibility, dengan izin, sekiranya Ahli dari Kepong ini tidak meracuni fikiran rakyat, masalah-masalah yang timbul, sudah selesai pun.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ada dua Ahli yang bangun. Yang Berhormat Menteri, nanti dulu!

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dua bangun dengan serentak. Tak bolehlah, hanya ada satu minit sahaja, tak boleh dengan serentak. Jadi, kalau sistem guaman kita di dalam Dewan yang mulia ini tak boleh serentak. Satu minit sahaja. Yang Berhormat Larut ini dia pergi ke kantin, sekarang sudah kenyang, keluarkan kenyataan seperti itu.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat Kepong tadi akan bercakap perkara yang karut. Jadi, sebab itu saya bangkit serentak. Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu berkenaan krisis di antara Majlis Peguam dengan Kerajaan. Tidak ada krisis, yang ada adalah krisis Majlis Peguam sendiri, satu.

Kedua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, oleh kerana mungkin Ahli Yang Berhormat tidak sedar, Akta yang ada di hadapan Yang Berhormat itu adalah Akta yang dibuat dan dirujuk kepada Majlis Peguam.

Jadi, bagaimana fleksibel lagi Kerajaan diminta untuk bekerjasama dengan Majlis Peguam kalau Majlis Peguam sendiri tidak mahu bekerjasama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya akui setengah-setengah cadangan itu dari Majlis Peguam. Memang itu salah satu hakikat, saya tidak boleh menafikan walaupun saya bukan seorang peguam tetapi saya pun ada minta nasihat sedikit. Walau bagaimanapun, saya tidak mengambil masa yang panjang, cuma yang saya minta ialah sikap kefleksibelan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Majlis Peguam, bukan mengenai Rang Undang-undang ini. Itu yang diminta.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun. Hendak beri jalan kepada dia atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya...

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar dekat satu jam soal kefleksibelan ini. Tolong cakap dalam Dewan yang mulia ini, straight to the point apa fleksibiliti yang diminta? Don't beat around the bush dalam Dewan ini, Yang Berhormat menghabiskan masa orang lain yang hendak bercakap. Tolonglah cakap sedikit, jangan pusing-pusing sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau hendak cakap salah satu kefleksibelannya ialah mengkaji semula tindakan-tindakan

yang diambil terhadap Ketua Hakim Negara, apakah itu betul dan bolehkah kita ubahsuaikan sikap itu. Tetapi tindakan telah diambil, kerosakan telah dibuat. Jadi, kita hendaklah memperbaiki. Jangan jadi seperti Parit Sulong, seperti tikus hendak memperbaiki labu. Itu tidak boleh.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Menyampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya. Akhir sekali saya berharap apa yang saya sebutkan di sini iaitu menyeru pihak Kementerian supaya mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan Rang Undang-undang ini dibentangkan pada hari ini. Dan yang kedua, mengkaji semula sistem pendidikan undang-undang dan juga menyeru pihak Yang Amat Berhormat supaya mempertimbangkan semula mengenai hubungan Kerajaan dengan Majlis Peguam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Batang Lular.

4.54 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lular):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 1991 ini.

Semalam Yang Berhormat dari Kepong sebelum bercakap berhubung dengan peguam dan Majlis Peguam, beliau tertawa dahulu dengan ejekan. Ini menunjukkan sifat dan pendirian orang yang berucap itu sendiri. Dan pada hari ini kebanyakan cerita ialah cerita "kefleksibelan". Percakapan yang belum saya tahu maknanya dan pertama kali saya dengar berhubung dengan kefleksibelan atau flexibility daripada pihak Kerajaan atau pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Majlis Peguam.

Rhetoricnya panjang lebar mengulas soal peguam yang dia sendiri tidak tahu.

Jadi, tidak payahlah saya ulaskan cerita yang dia sebutkan itu, kita serahkan kepada pihak Menteri menjawabnya. Begitu juga sebagaimana yang disebut dan telah dibantah oleh sahabat saya dari Larut iaitu beliau menyatakan sebahagian daripada peguam terlibat dengan penyelewengan dalam mengendalikan tugas mereka. Dan ini juga have been amended oleh beliau dalam ucapan Yang Berhormat dari Larut itu. Tetapi biarlah saya menegaskan di sini sebagai seorang peguam.

Memang benar sebilangan masyarakat yang digelar masyarakat peguam adalah masyarakat yang terdidik, profesion yang noble, profesion yang kreatif dan profesion yang learned, yang dihormati sebagaimana profesion-profesional lain juga seperti profesion kedokteran, profesion kesenibinaan, profesion perakaunan dan profesion-profesional lain juga dihormati. Tetapi masalahnya hanya segelintir kecil sahaja daripada masyarakat peguam yang begitu besar disebut oleh Yang Berhormat semalam terlibat dengan perkara yang tidak baik.

Jadi, ini tidak ubahlah seumpama seekor kerbau membawa lumpur semua terpalit.

Tetapi dalam segi itu kita tidak boleh menafikan yang pihak peguam ini perangnya memang sudah semula jadi atas didikan mereka—begitu vocal, begitu nyaring, begitu lantang tiap-tiap kali bercakap. Jadi, perbuatan yang sedemikian telah mendatangkan satu polarisasi yang tertentu. Kalau kita vocal dengan sendirinya yang sebelah pun menjadi polarisasi juga. Jadi, tidak hairanlah kalau ada pihak peguam sebelah sini bersuara lantang, jawapan di sebelah sana pun lantang juga.

Janganlah kita marah kerana kita sendiri yang mula. Tetapi dalam kelantangan itu, pihak peguam, umpamanya Majlis Peguam, di sana-sini membawa isu-isu, umpamanya independent of Judiciary, human rights, freedom, equality dan sebagainya. Di tambah pula oleh pihak akhbar-akhbar atau media massa yang sensationalise dengan cerita-cerita, kalau tidak ada krisis pun tidak ubah seperti krisis itu ada.

Oleh kerana sensasi yang dibuat oleh pihak press, timbullah satu keadaan ataupun pandangan orang luar yang mana Kerajaan dengan pihak Majlis Peguam dan semua peguam tidak ubah seperti ada satu krisis. Ini telah dijelaskan bahawa tidak ada krisis. Mungkin ini krisis pendapat dan krisis personality seorang individu dengan individu lain. Ini masyarakat manusia, selalu alami. Ini masyarakat manusia bukan malaikat. Sedangkan lidah lagi tergigit, kata P. Ramlee, inikan pula manusia yang intelektual yang mempunyai pendapat dan pendirian sendiri.

Jadi dengan itu, pihak Majlis Peguam tidak mengalah, tidak ada penjelasan dan menerima hakikat yang Kerajaan telah menekan pihak peguam. Dari pihak press juga telah sensationalise keadaan-keadaan yang tertentu. Bahkan sedikit sangat, kalau ada perkara-perkara lain yang berlaku di dalam profesion-profesional lain, profesion kedokteran umpamanya di mana Yang Berhormat dari Kepong sendiri sebagai seorang ahli profesion ini, bukan mengatakan profesion ini begitu perfect, begitu baik; tetapi apakah sensanalisis yang telah dibuat oleh pihak press. Ini cerita daripada pengalaman sendiri. Seminggu saya...

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengapa semalam saya nampak tidak ada seorang pun peguam dari situ bangun untuk berucap. Cuma Yang Berhormat Menteri Kehakiman yang membentangkan rang undang-undang ini, tetapi sebelah situ tidak ada. Saya bangunpun saya kata ada segelintir yang tidak betul sahaja. Itu saya sudah jelaskan dan juga saya mengakui di tiap-tiap profesion memang ada segelintir yang salahlaku. Sebab itulah apabila dibentangkan rang undang-undang seperti ini, saya mengambil bahagian untuk memastikan semua undang-undang yang dibuat dapat membanteras segala salahlaku dengan berkesan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Itu bukan minta penjelasan. Cuma hendak cerita sendiri sahaja. Yang Berhormat ini memang suka berlakon. Saya pun sudah kata tadi, Yang Berhormat kata "sebahagian", selepas itu diulas semula, dia kata "segelintir". Saya sudah kata tadi.

Jadi, saya hendak mengulangi cerita Yang Berhormat ini. Kalau saya hendak berlaga dengan Yang Berhormat dahulu, saya minta peluang bercakap kelmarin, Yang Berhormat sudah bergaduh dengan saya tetapi kalah, saya ini trained komando. Jadi, saya berilah peluang kepada Yang Berhormat bercakap dahulu. Sekarang saya bercakap, tolong sedikit. Saya belum habis perkataan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, teruskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Oleh kerana sudah beri peluang kepada Yang Berhormat dari Kepong bercakap semalam, jadi sekarang saya bercakap. Saya tidak ganggu dia semalam, jadi saya minta dia jangan ganggu saya sekarang. Kalau ada perkara yang

betul-betul hendak minta penjelasan, insya Allah, saya beri peluang.

Jadi, saya hendak ulangkan lagi berkenaan cerita-cerita peguam ini tidak diseimbangkan dengan cerita profesional-profesional yang lain. Saya hendak cerita apa yang berlaku dengan saya sendiri. Seminggu selepas saya meletakkan jawatan daripada Jabatan Polis dan bertugas sebagai seorang peguam, gambar yang pertama ditunjukkan kepada saya ialah gambar seorang anak dengan kepalanya pecah. Jadi saya bertanya dengan orang yang membawa gambar itu, "Apa sebab?" Dia kata, "anak saya pergi hospital hendak melahirkan anak tetapi didapati breech. Selepas itu caesarian operation was conducted but unfortunately incision. Doktor telah melukakan kepala anak dan anak itu mati. "Seminggu selepas itu saya bertanya lagi tentang ceritanya itu. Dia kata, "Saya minta gambar itu balik. Barang itu sudah settle in the kitchen, tidak ada lagi."

Jadi, tidak ada seorang manusia pun yang tahu selain daripada saya dan keluarga yang berkenaan. Kalau peguam yang ambil duit ataupun buat caj lebih \$300, mungkin masuk dalam suratkhobar. Tetapi cerita mengenai anak ini tidak masuk suratkhobar. Bukan hendak mencaci profesion yang lain tetapi seimbangkanlah cerita kita berhubung dengan profesion ini.

Begitu juga konsultan, dalam lapan tahun saya mempraktikkan undang-undang, saya banyak berjumpa, tidak payah sebut, ada orang yang hilang berjuta ringgit oleh kesalahan tertentu daripada segi konsultan. Begitu juga orang perakaunan. Ada sebuah kompeni pemaju perumahan, hilang \$2 juta oleh kerana pihak konsultan ini melenyapkan wang tersebut.

Jadi, saya membuat satu perbandingan dan seimbangan. Pihak peguam itu masih banyak gunanya

untuk kemajuan dan pembangunan negara ini. Tetapi kalau kita hendak mengejekkan peguam itu oleh kerana tingkah-laku mereka ataupun vokal mereka, perangai mereka itu adalah tindakan persendirian. Ini adalah kerana tiap-tiap profesion itu adalah terdiri dari manusia biasa. Tetapi yang malangnya Majlis Peguam ini sibuk dengan pekerjaan-pekerjaan yang lain, pekerjaan yang salah perspektif. Saya sebutkan kenapa salah perspektif. Dengan adanya perkara-perkara yang telah menekankan keadaan ahli-ahli mereka di negara ini yang mengatakan ahli-ahli mereka tidak jujur, tidak baik atau tidak mengikut etika. Tetapi apakah tindakan-tindakan positif yang dibuat oleh Majlis Peguam? Mereka sibuk pergi ke luar negeri sebagai contact people kepada luar negeri supaya negeri kita ini disebutkan negeri yang tidak menghormati pihak-pihak Judiciary, tidak menghormati freedom of press, freedom of equality dan bermacam-macam lagi freedom.

Jadi, sebagaimana yang saya pernah tekankan di sini berhubung dengan soalan pencemaran alam, kita sepatutnya jangan bersikap explaining sahaja, jangan bersikap hendak beri penjelasan sahaja ke luar negeri. Kita mesti mengambil tindakan yang agresif kalau ada propaganda menekankan kita untuk keselamatan negara. Keselamatan peguam itu adalah segelintir manusia yang sedikit sekali di Malaysia ini. Tetapi keselamatan negara itu lebih penting daripada mana-mana profesion.

Jadi, saya bersetuju dengan apa tindakan sekalipun oleh pihak Kerajaan supaya kedudukan negara ini tidak dikecam oleh pihak di luar negara. Kepada pihak peguam-peguam yang pergi ke luar negara, yang menjadi perhubungan kepada orang di luar negara, yang mengatakan soal freedom, soal demokrasi, soal equality ini, saya hendak mengulaskan sedikit cerita ini. Apakah landasan dan yardstick yang

mana kita gunakan? Pengukur mana yang kita gunakan untuk mengatakan negeri kita ini tidak ada demokrasi, tidak ada human rights? Adakah berlandaskan pendapat daripada Barat, pendidikan yang telah kita terima di universiti, yang telah diterima selama beberapa tahun belajar di sekolah? Yang malangnya, pelajaran yang kita terima selama itu adalah pelajaran yang hampir sepenuhnya daripada Barat.

Dalam segi ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kepong. Pendidikan baru patut diberi kepada peguam, pendidikan yang patriotik, pendidikan yang baik, pendidikan yang tahu perspektif yang betul—saya bersetuju. Tetapi kalau pendidikan lain sebagaimana Yang Berhormat dari Larut cakap tadi, sudah cukup, sudah bijak, sudah pandai dan sudah learned peguam-peguam di Malaysia ini. Jadi, mungkin dengan adanya tindakan kerohanian, keagamaan, mungkin juga daripada segi etika, patriotik dan nasionalismenya, kemungkinan peguam boleh mengambil satu tindakan yang lebih positif, lebih membangun dan lebih konstruktif lagi untuk masa hadapan negara ini.

Sepatutnya Majlis Peguam menilai prestasi ahli-ahli, kebajikan ahli-ahli, budi-pekerti dan etika ahli-ahli. Janganlah ghairah sangat dengan philosophy, standard dan virtue mereka kerana tiap-tiap benda sebagai virtue atau standard memang terhad dengan keadaan-keadaan yang tertentu.

Jadi, keadaan di negara kita berkehendakkan sejauhmanakah demokrasi dan freedom and rights ini boleh diikuti kerana konsep kebebasan dan konsep freedom adalah konsep yang fleksibel—fleksibel yang patut kita ketahui dengan mendalam.

Umpamanya, saya bercakap soal Amerika yang kita katakan sebagai simbol freedom, liberal dan demokrasi

yang terbaik. Begitu juga pihak di United Kingdom. Amerika umpamanya, merdeka sejak Washington tahun 1700 .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kalau kita hendak bincang ini, baik kita bincang mengenai isi kandungan Rang Undang-undang ini, kalau hendak bincang pendidikan komando, kita pergi ke kem komando, jangan masuk ke sini bincangkan perkara yang tidak kena mengena dengan Rang Undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Batang Lupar, sila balik kepada Rang Undang-undang.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jangan tutup telinga, dengar cakap orang. Ini memang perangai Yang Berhormat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila dengar kepada keputusan saya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Silalah berbalik kepada Rang Undang-undang.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Insyallah, selepas ini saya balik kepada Rang Undang-undang. Saya hendak jawab Yang Berhormat ini dahulu. Boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi jangan menyeleweng, jangan pergi jauh sangat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan freedom, soalan cerita human rights ini. Ini berhubung dengan undang-undang peguam. Jadi, soalan latihan jadi komando, soalan yang terkeluar daripada hal undang-undang, Yang Berhormat cerita ini tadi, satu juga. Yang Berhormat ini perangnya, dia sendiri yang boleh buat, kita tidak boleh buat. Orang lain tidak boleh buat, dia seorang sahaja yang boleh buat. Dia yang menggelepar ke sana sini boleh, kita tidak boleh.

Jadi, kalau Yang Berhormat cakap tadi, memang berpandu kepada cerita hal undang-undang ini, insya Allah, saya boleh cakap cerita hal undang-undang sahaja, lima minit kita cakap, kita ikut ini kerana ini yang baik. Kita mesti ingat, freedom of human right sini berlandaskan Amerika ini, Amerika ini dia 150 tahun dahulu semenjak Washington, baru Bill of Rights dibuat pada abad ke 17 tetapi rakyat Amerika sampai tahun 1963 baru semua rakyat Amerika boleh mengundi, di zaman Lyndon B. Johnson. Bahkan salah seorang Presiden Amerika pada abad ke 18, ada hamba abdi, demokrasi sudah evolve selama 160 tahun, kita hendak banding dengan hal demokrasi kita di Malaysia, itu tidak adil. Jadi, kita mesti ingat hakikat itu dan jangan perbandingkan diri kita sendiri. Inilah .....

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun lagi, hendak beri jalan?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Berilah, sekali ini penghabisan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi nasihat sedikit kepada Yang Berhormat supaya jangan lupalah tajuknya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri nasihat atau minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Batang Lular itu cukuplah, jangan masuk ke sini, lupa tajuk Rang Undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sekarang ini bukan masanya Yang Berhormat hendak beri nasihat. Di luar Dewan boleh. Kalau hendak minta penjelasan, soal terus.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kita membahaskan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam Rang Undang-undang ini, ini satu nasihat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa penjelasan yang hendak diminta itu?

**Dr Tan Seng Giaw:** Nasihat kepada dialah, jangan kita .....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, itu tidak dibenarkan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Baiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Melainkan kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, itu saya akan benarkan. Batang Lular, teruskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, memang kena ajar Yang Berhormat dari Kepong ini—kena ajar, dia memang tidak tahu, bincang di sini pun tidak tahu. Orang kata minta

penjelasan, dia cerita hendak ajar orang pula, pergilah di sekolah Kepong sana, ajar orang-orang di Kepong.

Jadi, soalan Majlis Peguam ini, saya harap Majlis Peguam yang ada di negara ini jangan hilang perspektif, jangan hilang pandangan, jangan terpesung dengan pendapat-pendapat dari Barat, pendapat-pendapat yang mungkin tidak dapat sepenuhnya diterima di negara ini dan kita sepatutnya berbalik semula ke pangkal jalan supaya Majlis Peguam itu adalah sebagai badan watch dog kepada ahli-ahli kita sendiri supaya ahli-ahli itu tidak lagi sebagaimana yang telah dianggarkan ataupun ditunjukkan di dalam akhbar-akhbar yang peguam itu terlibat dengan etika-etika yang bertentangan dengan praktis guaman itu sendiri.

Jadi, dari itu saya memang menyokong adanya undang-undang pindaan ini supaya menentukan pihak peguam yang tidak ingin membawa ahli-ahlinya sendiri ataupun tidak ingin mengambil kes-kes oleh kerana kes itu mungkin akan mengakibatkan satu-satu perkara kepada ahli-ahli itu sendiri atau kepada peguam yang lain dan tugas-tugas menentukan sama ada peguam itu salah atau tidak salah, terserahlah kepada pihak yang neutral sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang ini memang dalam keadaan yang sangat-sangat saya puji. Jadi, soalan berbangkit yang mengatakan kita akan menubuhkan ataupun berhakikat hendak menubuhkan Majlis Peguam yang baru itu memang tidak ada, memang itu interpretasi sahaja, kadang-kadang orang tidak tahu cara interpretasi undang-undang ini, dia buat interpretasinya sendiri, rule of interpretation dia sendiri tetapi tidak bolehlah kita put the word into the sentence itself, janganlah beri macam itu, jangan buat macam itu. Kerana saya tidak hendaklah kata macam mana hendak buat operation, hendak buat apa-apa hal mengenai medical ini.

Jadi saya mintalah pihak yang bukan mahir dalam bidang ini, dalam perkara ini, jangan menceritakan perkara-perkara yang lain, kalau memang terang-terang perkataan di situ, kita ikutlah. Di sini mengatakan Disciplinary Board sahaja dan investigation board sahaja disebut dalam undang-undang pindaan ini, tidak ada mengatakan yang Majlis Peguam itu akan ditubuhkan semula ataupun hendak dibuat semula. Jadi, apa yang kita dengar desas-desus ataupun interpretasi yang tidak betul, tetapi realitinya pindaan yang di hadapan kita ini tidak mengatakan apa-apa ataupun menyokong desas-desus yang telah kita dengar.

Jadi, hanya satu perkara sahaja iaitu di dalam beberapa seksyen kepada undang-undang pindaan yang saya baca menunjukkan ada ahli laymen dimasukkan sebagai ahli Majlis Penyelidik dan ahli Majlis Penilai perangai dan etika peguam, saya bercadang kepada pihak Kementerian supaya pemilihan orang laymen yang tidak tahu menahu dengan persoalan, janganlah ambil doktor pula masuk ke sana untuk menilaikan kesalahan peguam. Tetapi kalau ada orang laymen lain pun bolehlah, kalau mereka fasih dari segi penyelidikan, atau perundangan, administration itu bolehlah.

Kita mestilah memilih orang yang benar-benar pakar daripada segi-segi apa yang hendak kita selidiki ataupun kita beri keputusan supaya jangan menjatuhkan moral pihak-pihak peguam, kerana peguam walaupun apa tekanan, apa sahaja adverse publicity yang telah dibuat, masih banyak gunanya dan besar kegunaannya kepada negara ini dalam segi pembangunan negara kita dan Wawasan 2020 dan yang penting sekali, peguam adalah sebagai ahli kepada salah satu daripada tiga cabang jentera Kerajaan iaitu Judiciary.

Jadi, kita sepatutnya memberi satu pendekatan yang baru agar profesion ini tidak merasa mereka sendiri terketepi. Dengan itu, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kok Lanas.

5.20 ptg.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang lama, cuma hendak membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan cadangan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) yang sedang dibentangkan di hadapan kita pada petang ini.

Sebahagian besar daripada cadangan-cadangan yang dibawa di dalam pindaan yang ada di hadapan kita ini, iaitu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976, saya alu-alukan.

Pertamanya, tentang peruntukan untuk mengadakan professional indemnity, dengan izin, yang wajib ke atas semua firma-firma guaman dan ke atas semua peguam-peguam dalam negara ini adalah suatu peruntukan yang pada pandangan saya sepatutnya telah lama dibuat, kerana sebelum daripada ini oleh kerana ketiadaan peruntukan seperti ini, maka pelanggan-pelanggan yang berjumpa dengan peguam dan mendapat perkhidmatan peguam memang didedahkan dengan kerugian jika berlaku sesuatu di dalam urusan perundangan mereka. Tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di dalam pindaan ini ialah ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kehakiman, bagaimanakah cara peraturan yang akan dikenakan oleh Majlis Peguam selepas daripada ini untuk mengadakan jumlah indemniti ataupun jumlah sum insured, jumlah yang perlu diinsuranskan bagi

tiap-tiap firma guaman. Kerana sepertimana yang kita tahu dalam negara ini ada peguam yang mengamalkan undang-undang hanya secara bersendirian, ada secara perkongsian dan ada pula firma-firma guaman yang besar yang mempunyai pembantu undang-undang seramai 30 orang misalnya. Jadi persoalan yang timbulnya ialah bagaimana jumlah yang akan diinsuranskan ini akan dibuat dan peraturan akan dibuat selepas daripada ini untuk membezakan di antara firma-firma guaman yang besar dengan firma-firma guaman yang kecil. Itu yang pertama.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua, yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan masalah semasa membentangkan Undang-undang ini pada petang semalam, Yang Berhormat Menteri Kehakiman telah menyatakan di dalam ucapannya bahawa profesion undang-undang pada masa ini sedang menghadapi krisis keyakinan dan imejnya sebagai satu profesion yang dihormati terjejas kerana kes-kes salahlaku dan pecah amanah di kalangan peguam. Saya rasa kenyataan seperti ini adalah suatu kenyataan yang terlalu persuasive dan agak keterlaluan. Pada pandangan saya apa yang berlaku, krisis yang sedang berlaku di negara kita ini, keyakinan masyarakat terhadap profesion guaman, terhadap para peguam bukanlah sampai kepada suatu tingkat yang boleh kita andaikan telah berlaku suatu krisis. Keyakinan rakyat kepada profesion undang-undang masih lagi teguh dan masih lagi kuat. Cuma apa yang berlaku ialah masalah sikap dan Majlis Peguam terhadap beberapa tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan beberapa perkara yang telah menjejaskan beberapa prinsip kehakiman yang telah kita terima di dalam negara ini.

Pada pandangan saya, krisis yang wujud ialah terlalu bersifat peribadi. Pada saya, daripada ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Yang Berhormat Menteri Kehakiman sendiri, komen-komen dan ulasan-ulasan yang diberikan terhadap Majlis Peguam adalah suatu masalah krisis peribadi. Saya nampak daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri terhadap beberapa tindakan yang dibuat oleh Majlis Peguam tidak lebih daripada suatu pandangan yang pada pandangan saya bersifat suatu pandangan untuk membalas dendam terhadap beberapa tindakan dan resolusi yang telah dibuat oleh Majlis Peguam sebelum daripada ini. Jadi kalau kita katakan bahawa krisis keyakinan terhadap profesion guaman oleh rakyat kepada profesion guaman ataupun perundangan ini adalah suatu kenyataan yang pada saya adalah suatu perkara yang lebih daripada keadaan yang sebenarnya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memang Majlis Peguam ini ialah bukan suatu badan kebajikan. Tadi Yang Berhormat dari Batang Lupa mencadangkan supaya Majlis Peguam menjaga kebajikan ahli-ahlinya. Barangkali Yang Berhormat sendiri pun tidak faham bahawa Majlis Peguam bukan badan kebajikan. Majlis Peguam ialah suatu Majlis yang diwujudkan oleh Akta untuk mengawal profesion undang-undang, bukan untuk menjaga kebajikan ahli. Majlis Peguam dalam beberapa tindakan dan sikap, mesti menyatakan sikap dan pendirian, terutamanya dalam perkara yang menyentuh tentang kedudukan prinsip kebebasan kehakiman yang telah sedia termaktub di negara ini. Misalannya di dalam kes pemecatan Tun Salleh Abas, bukan saya hendak membangkitkan perkara lama, apakah Majlis Peguam harus berdiam diri di dalam perkara

yang sedemikian penting berhubung dengan suatu prinsip, dengan izin, the cardinal principle, iaitu prinsip bahawa orang yang mempunyai kepentingan tidak boleh mengadili sesuatu kes jika dia mendapat kepentingan faedah daripada keputusan kes tersebut. Prinsip ini telah lama diterima dalam sistem kehakiman kita dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Jadi, jika Majlis Peguam mengambil sikap untuk menyatakan bahawa perkara ini adalah tidak betul, apakah Majlis Peguam gagal di dalam menjalankan tugasnya? Apakah kita mahu menyalahkan Majlis Peguam, kerana sebagai seorang pegawai kehakiman, pegawai undang-undang, peguam juga bertanggungjawab untuk menjaga sistem kehakiman itu sendiri. Sebagai orang yang menyanjung tinggi sikap kebebasan kehakiman di negara ini, saya yakin dan percaya, Majlis Peguam dan semua peguam di negara ini tidak akan mahu melihat bahawa sistem kebebasan kehakiman itu terjejas oleh mana-mana pihak. Jadi persoalannya, apa-apa sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam ialah perkara yang ada dalam lingkungan tugas Majlis Peguam dan peguam sendiri dan tugas mereka selaku pegawai kepada sistem kehakiman yang berjalan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak bangkitkan sekali lagi ialah masalah sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Kehakiman. Saya telah bangkitkan perkara ini dua minggu yang lampau, tetapi malangnya Menteri Kehakiman semasa itu tidak ada dalam Dewan ini. Menteri Kehakiman dalam soal kalau kita andaikan ini sebagai satu krisis antara Kerajaan dengan Majlis Peguam, sepatutnya Menteri Kehakiman mesti memainkan peranan untuk merapatkan hubungan yang begitu renggang, bukan

menanggung di air yang keruh. Kita tahu baru-baru ini sekali lagi isu ini ditimbulkan berekoran daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pulang dari luar negeri membidas Majlis Peguam. Kemudian, selepas daripada itu kita dengar pula kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kehakiman, juga ikut membidas Majlis Peguam. Tetapi pada masa yang sama, saya difahamkan, Yang Berhormat Menteri Kehakiman telah menunjukkan sikap untuk berbaik-baik dengan Majlis Peguam dengan menerima undangan dalam satu Majlis Law Conference yang dianjurkan oleh Majlis Peguam. Saya difahamkan Yang Berhormat sendiri telah menerima jemputan itu untuk hadir, tetapi malangnya apabila diarah oleh pihak atasan, takut untuk hadir dalam majlis berkenaan. Ini juga saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kehakiman.....

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri bangun.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, segala teguran itu akan saya jawab, tetapi saya minta jangan menggunakan perkataan 'takut untuk menerima', itu satu tuduhan yang amat berat. Jadi saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan 'takut untuk menerima'. Saya akan menjawab segala teguran Yang Berhormat.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan Tuan Yang di-Pertua, apakah 'takut' itu unparliamentary? Kalau tidak unparliamentary, saya boleh bercakap. Saya rasa perkataan 'takut' bukan unparliamentary.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara krisis di antara Kerajaan dan Majlis Peguam bukanlah menjadi pokok di dalam Rang Undang-undang yang di hadapan kita. Oleh sebab kita tidak ada masa yang panjang, hanya hari Isnin dan Selasa sahaja, haraplah supaya kita berbincang di atas pokok yang sebenarnya, perkara-perkara yang mustahak, umpamanya yang dilantik.....

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya akan sampai ke situ, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau yang lain diberi masa yang sebegitu lama untuk berucap.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau demikian, saya terpaksa menghadkan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jika demikian, saya akan akur kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat yang lain diberi masa yang bebas untuk berucap tanpa had masa, tetapi saya diperingatkan, ini saya rasa tidak kena sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi terpaksa siapa-siapa diperingatkan dengan kerana jikalau sekiranya tiap-tiap orang buat silap, kemudian orang lain di belakang pun hendak buat silap dan sesiapa tak beri peringatan, tak patut pula. Jadi, saya haraplah budibicara sendiri.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi, saya telah katakan bahawa saya tidak akan mengambil masa yang lama.

Berhubung dengan masalah yang saya bangkitkan tadi, masalah sikap Menteri Kehakiman yang nampaknya pada suatu pihak, pada suatu masa sudah mula untuk menunjukkan sikap

lembut, tetapi pada masa yang lain pula menunjukkan sikap yang tidak boleh bertolak ansur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkara itu tidak bersangkutan dengan Rang Undang-undang di hadapan kita.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ada, Tuan Yang di-Pertua, saya akan kaitkan. Saya akan kaitkan dengan pindaan yang dibawa sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada pada fikiran saya.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan kaitkan latarbelakang kepada pindaan Akta yang dicadangkan ini, bagaimana timbul pindaan ini sebab sebelum daripada ini pindaan yang dibawa ke dalam Dewan ini hanya kita dengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kehakiman beberapa bulan yang lampau.

Kemudian, selepas daripada itu, timbul pula isu kenyataan-kenyataan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman dengan Majlis Peguam, kemudian kita ada Rang Undang-undang di hadapan kita ini. Jadi, seolah-olah nampak bahawa suasana yang diwujudkan sebelum daripada pindaan Undang-undang ini dibawa ke dalam Dewan ini ialah untuk mewujudkan suatu suasana bagi memberi suatu justifikasi kepada pihak Kerajaan untuk mengenakan peraturan-peraturan ke atas peguam-peguam yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa beberapa peruntukan yang disebut di dalam pindaan yang sedang dibawa di hadapan kita ini khususnya mengenai tindakan disiplin ke atas semua peguam-peguam adalah suatu tindakan yang overhaul, dengan izin, iaitu memansuhkan semua acara-acara lama,

cara-cara tindakan disiplin yang diambil ke atas peguam-peguam sebelum daripada ini dimansuhkan sepenuhnya dan satu cara peraturan baru telah diperkenalkan. Barangkali saya difahamkan bahawa peraturan yang sama telah dipersetujui oleh Majlis Peguam, tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ialah untuk mendapat suatu keyakinan daripada pihak Kerajaan bahawa segala peruntukan yang ketat, segala peruntukan yang dibawa melalui pindaan ini tidak akan digunakan dengan apa cara sekalipun sebagai suatu cara untuk membalas dendam kepada mana-mana pihak yang selama ini menyatakan pendirian dan sikap tegas yang tidak bersetuju dengan beberapa dasar.

Kalaulah peruntukan-peruntukan yang dibawa ini tidak terpakai ataupun hanya akan dikenakan ke atas beberapa orang yang hanya secara lantang membidas beberapa perkara yang mereka tidak setuju, maka akan berlaku suatu penyalahgunaan di dalam pemakaian peraturan tersebut. Jadi, mestilah ada suatu jaminan daripada pihak Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan disiplin yang ketat ini tidak akan dijadikan sebagai suatu alat untuk platform untuk membalas dendam kepada Majlis Peguam atau mana-mana pihak yang kemungkinan di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam semasa Yang Berhormat Menteri Kehakiman membentangkan Rang Undang-undang ini seolah-olah membayangkan bahawa profesion guaman di negara ini sudah tidak ada lagi keyakinan di kalangan rakyat. Memang barangkali Yang Berhormat Menteri sendiri akui bahawa dalam mana-mana profesion sekalipun termasuk profesion kedoktoran, akauntan, masalah penyelewengan ini adalah wujud, tetapi kita tidaklah boleh menyatakan oleh kerana beberapa

orang yang melakukan penyelewengan, menyalahgunakan wang pelanggan misalnya, maka seluruh profesion ini terjejas. Bahkan dalam tiap-tiap mana profesion sekalipun, akan berlaku perkara-perkara seperti ini kerana perkara-perkara seperti ini adalah masalah individu itu sendiri, bukan masalah profesion itu sendiri. Bagaimana baik sekalipun profesion itu, tetapi akan ada, seperti profesion kedoktoran misalnya, akan wujud di mana ahli-ahli mereka yang melanggar peraturan dan melakukan salah laku misalnya. Begitu juga dengan profesion undang-undang.

Jadi, kalau kita hendak mengambil sikap hendak menyatakan bahawa oleh kerana beberapa perkara yang berlaku dalam Majlis Peguam dan di kalangan peguam, maka kita mengambil suatu pandangan yang pukal mengatakan bahawa profesion ini mengalami krisis, maka pandangan ini adalah tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, beberapa perkara yang dicadangkan iaitu termasuklah membahagikan atau mewujudkan dua Majlis Peguam yang berbeza antara Wilayah Persekutuan dengan Kuala Lumpur adalah suatu tindakan yang bersesuaian dengan wujudnya Mahkamah Tinggi di Shah Alam dan di Kuala Lumpur secara berasingan. Dan selama ini kita para peguam terpaksa membayar dua yuran yang berbeza. Cuma saya hendak membangkitkan satu perkara lagi, ialah bagi mana-mana peguam yang mempunyai pejabat di beberapa tempat di seluruh negara. Bagi mendapatkan sijil atau practising certificate, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa menjelaskan yuran kepada tiap-tiap negeri di mana beliau mempunyai pejabat. Jadi, perkara ini adalah suatu keberatan, suatu perkara yang pada pandangan saya membebaskan.

Adalah lebih baik bahawa peguam berkenaan hanya dikenakan membayar satu yuran sahaja kepada Jawatankuasa Peguam Negeri dan tidak kepada tiap-tiap negeri di mana beliau ada pejabat. Misalannya, seorang peguam yang mempunyai pejabat di lima buah negeri, maka beliau terpaksa menjelaskan yuran untuk mendapatkan practising certificate, dengan izin, kepada lima buah negeri. Jadi, cara ini adalah membebankan kerana sama ada Jawatankuasa Peguam di tiap-tiap negeri atau di negeri-negeri yang lain, ianya adalah memainkan peranan dan fungsi yang sama.

Saya berharap tindakan ini dapat diambil oleh pihak Menteri Kehakiman untuk mengambil tindakan dan pandangan-pandangan tadi dibawa kepada pihak yang berkenaan untuk jika perlu meminda peraturan-peraturan seperti ini yang pada pandangan saya adalah membosankan.

Saya rasa itu sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

4.42 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, peranan peguam tidak dapat difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Apakah peranan peguam dalam negara kita? Saya baca apa yang terkandung dalam Seksyen 43, Akta Profesion Peguam, dengan izin:

“Objects and powers of the Bar.

The purpose of the Malaysian Bar shall be:

- (a) to uphold the cause of justice without regard to its own interest; or that of its members, uninfluenced by fear or favour.”

Tuan Speaker, itu menjadi kewajipan Badan Peguam untuk menentukan the cause of justice is advanced, dengan izin. Tuan Speaker, baru-baru ini Perdana Menteri kita apabila beliau balik ke tanahair selepas CHOGM di Harare, beliau membuat tuduhan ke atas Majlis Peguam khususnya ahli-ahli Majlis Peguam ada bercakap bohong dan beliau ada keterangan untuk menguatkan tuduhan itu. Perdana Menteri kita mengatakan bahawa ahli-ahli dari the American Bar ada memberitahu kepada beliau bahawa ahli-ahli Majlis Peguam ada bercakap bohong.

Tuan Speaker, Majlis Peguam ada mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi keterangan atau bukti mengenai tuduhan itu tetapi sampai hari ini Perdana Menteri enggan untuk memberi bukti. Ini adalah penting oleh kerana Majlis Peguam menjadi satu badan yang penting dalam negara kita, dengan izin, the Bench is as strong as the Bar makes it, dengan izin. Jikalau dalam negara, kita Tuan Speaker, kita ada satu Majlis Peguam yang lemah, akibat itu Hakim-hakim dan Badan Kehakiman pun jadi lemah.

Dalam tahun 1988, Tuan Speaker, timbul masalah krisis keyakinan Kehakiman. Dalam krisis itupun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memainkan satu peranan besar dan akibat peranan itu, Tun Saleh Abbas sebagai Ketua Hakim Negara telah dipecat. Dan selepas itu lima orang Hakim Mahkamah Agung telah diambil tindakan tatatertib melalui Tribunal. Isu ini juga dikatakan oleh rakan saya tadi iaitu Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Tuan Speaker, apabila saya berdiri di sini baru-baru ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Kehakiman, masa rakan saya di sana iaitu Menteri Kehakiman

tidak ada dalam Dewan. Dan baru-baru ini juga saya ada berjumpa rakan saya di luar dan beliau ada bertanya "Why did you attack me in my absence?" Saya menjawab "That is the best time to attack you", dengan izin. Oleh kerana sebagai satu jeneral yang memimpin satu army, jikalau jeneral tidak ada dalam Dewan, jikalau dalam perang jeneral tidak ada di depan army itulah the best time untuk menghentam dia. Tetapi hari ini beliau ada di sini dan saya beri lagi sekali peluang untuk beliau menjawab satu perkara yang penting kerana sebagai Menteri Kehakiman beliau ada dalam Kabinet sekarang, mengenai sikap Menteri ini di atas Majlis Peguam dan Menteri ini bukan ahli Majlis Peguam, tetapi peguam kerana tidak ada peluang untuk masuk dalam Majlis Peguam.

**Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya saya bukan orang macam Ahli Yang Berhormat, mengacau dalam Majlis Peguam.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya bukan ahli Majlis Peguam.

**Tuan Syed Abdul Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ada orang macam Ahli Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam tahun 1976, Tuan Speaker, Akta Profesion Undang-undang ada dipinda dan di masa itu saya menjadi ahli Majlis Peguam. Oleh kerana mengenai ISA masa itu (Essential Security Cases Regulations), ada resolusi yang dibuat oleh Majlis Peguam, Akta ini ada dipinda dan saya dipecat dari Majlis Peguam, that is another story'.

Tuan Speaker, berbalik kepada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mintalah berucap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini ya.

Rang Undang-undang ini meng-untukkan berkenaan dengan mesyuarat agung, berkenaan dengan dibahagikan Federal Territory Bar dengan Selangor dan Disciplinary Board.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya berbalik kepada tajuk atas nasihat Tuan Speaker.

Pengasingan Badan Peguam di Wilayah dan....

**Tuan Pengerusi:** Selangor.

**Tuan R. Karpal Singh:** Selangor. Saya mengalu-alukan itu, tetapi Yang Ariff Tuan Hakim. (*Ketawa*) Tuan Speaker,....

**Beberapa Ahli:** Mahkamahkah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, atas tajuk itu, berkenaan keadaan Badan Peguam di Sarawak, Sabah dan Malaysia. Oleh kerana mereka tidak bersatupadu dengan satu Malaysian Bar, bolehkah mereka bercakap atas tajuk itu? Oleh kerana itu bolehlah dikaitkan dengan tajuk ini, I have got to find some way to connect it, Yang Arif.....

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertualah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baru-baru ini, Tuan Speaker, di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu, rakan saya Encik Christopher Fernando dari Seremban, beliau ada dipanggil sebagai peguam untuk mengendalikan kes di mana pemimpin-pemimpin termasuk pemimpin atasan PBS ada di dakwa di bawah Seksyen 27, Akta Polis. Encik Christopher Fernando ada pergi ke sana selepas beliau mendapat clearance dari Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu. Apabila beliau bertindak dan berhujah di atas satu preliminary objection, beliau telah ditangkap. Seorang peguam telah ditangkap dalam

Mahkamah, beliau adalah seorang peguam dari Malaysia, kerana beliau tidak ada work permit. Adakah itu baik?

Tuan Speaker, saya mahu dapat tahu, apakah tindakan Kerajaan akan ambil dalam perkara ini? Sabah dan Sarawak telah masuk dalam Malaysia dalam tahun 1963, tetapi sampai hari ini peguam-peguam dari Semenanjung tidak boleh as of rights, bertindak dalam Mahkamah-mahkamah di Sarawak dan Sabah. Adakah itu adil? Lebih daripada itu, Tuan Speaker, untuk pergi ke negeri-negeri ini yang menjadi sebahagian dalam Malaysia mesti mempunyai International Passport. Ini memalukan negara kita. Adakah Kerajaan berhasrat untuk membuat apa yang harus dibuat untuk mengadakan satu Malaysian Bar? Itu telah menjadi satu tajuk di mana saya mahu rakan saya di sana untuk menjawab.

Tuan Speaker, saya baca dalam suratkhbar hari ini mengenai krisis keyakinan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kehakiman. Imej profesion guaman terjejas, oleh kerana ada banyak kes-kes di mana peguam terlibat seperti pecah amanah dan kesalahan-kesalahan seperti itu.

Tuan Speaker, saya terima, dalam mana-mana profesion pun, ada apa yang dikatakan 'black sheep', tidak boleh lari daripada itu, ada black sheep. Apa yang penting dalam negara ini adalah peranan yang ada dimainkan oleh peguam-peguam.

Tuan Speaker, dalam negara kita Perdana Menteri yang pertama iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj—peguam, Allahyarham Tun Abdul Razak seorang peguam, Allahyarham Tun Hussein Onn juga seorang peguam yang berkaliber, dukacita sekarang Perdana Menteri kita seorang doktor. (*Ketawa*)

Apa yang saya difahamkan beliau ada impian pada satu masa dahulu hendak jadi lawyer, tetapi barangkali takdir (*Ketawa*) tidak jadi lawyer. Perdana Menteri ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak faham atau sebagai doktor mahu balas dendam dengan Majlis Peguam sekarang. Dahulu Badan Kehakiman hentam sama Tun Salleh Abas.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua mahu tegah saya sekarang, tetapi saya ingat ini perlu oleh kerana menakutkan peguam-peguam dalam negara kita.

Tadi apabila rakan saya dari Kepong menyatakan barangkali ada sedikit salah tafsiran atas apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pendirian bagi Kerajaan untuk menubuhkan satu lagi satu Majlis Peguam, rakan saya di sana Menteri Kehakiman lompat mengatakan dia bohong. Dia bukan bohong oleh kerana fakta ada di sana, apa yang wujud dalam negara kita. Walaupun ada satu Majlis Peguam, one Bar Council, tetapi ada satu lagi pula dengan sokongan Kerajaan iaitu Persatuan Peguam-peguam Islam (Muslim). Bolehkah keadaan seperti itu wujud dengan adil dalam negara kita, oleh kerana persatuan ini ada didaftarkan. Jikalau peguam-peguam Islam boleh menubuhkan satu persatuan, bolehkah diadakan persatuan peguam-peguam Cina, persatuan peguam-peguam India, persatuan peguam-peguam Serani dan lain-lain? Bukan orang Cina, India atau Serani mahu buat begitu, tetapi oleh kerana apa persatuan ini didaftarkan? Zaid Ibrahim, ini satu pengkhianat. Dalam satu masa Zaid Ibrahim jadi Setiausaha Majlis Peguam, selepas UEM.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, boleh.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat rakan saya, adakah kewujudan satu lagi pertubuhan peguam itu bertentangan dengan asas-asas Perlembagaan yang memberi kebebasan persatuan di dalam negara kita? Kalau tidak, mengapa dikatakan sebagai pengkhianat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Pengkhianat oleh kerana pada satu masa beliau jadi Setiausaha bagi Majlis Peguam. Dalam kes UEM itu, Tuan Yang di-Pertua, saya membela rakan saya dari Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, dan kita lawan dengan UEM, dengan UMNO khususnya, oleh kerana UEM adalah sebahagian UMNO. Zaid Ibrahim ini jadi Peguam UEM. Selepas itu orang ini jadi kaya dan menubuhkan Persatuan Peguam Muslim dan apa yang saya difahamkan iaitu Kerajaan sokong ini dan mahu pecah-belah badan peguam dalam negara kita. Ada ramai peguam-peguam Islam yang berdiri dengan Majlis Peguam, tetapi ada ramai yang jadi mangsa, yang ada dipengaruhi oleh Kerajaan. Mereka ada diugut bahawa jikalau mereka sokong Majlis Peguam, mereka tidak ada peluang untuk mendapat kes-kes dari bank-bank dan badan-badan Kerajaan. Saya merayu kepada rakan-rakan saya keturunan Islam dalam Majlis Peguam berdiri dengan tegas dengan Majlis Peguam, oleh kerana cubaan dibuat oleh Kerajaan untuk memecah-belah Majlis Peguam. Apa yang saya tahu dengan sokongan yang diberi oleh ramai peguam-peguam Islam, Majlis Peguam tentu jadi lebih kuat daripada keadaan sekarang walaupun Pemuda UMNO pada satu masa dahulu, dengan izin, went to the streets. Saya beri amaran kepada Pemuda UMNO, jangan ugut, oleh kerana sebagai peguam, kewajipan kita adalah to act without fear or favour.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lembaga Tatatertib, ini yang menjadi soal pokok sebahagian besar dalam Rang Undang-undang di hadapan kita. Apa yang dicadangkan adalah untuk mengadakan satu Lembaga Tatatertib dan satu Tribunal Penyasatan. Tribunal ini, di antara lain, terdiri daripada laymen, orang-orang yang bukan peguam. Saya tahu rakan saya Menteri Kehakiman tentu menjawab bahawa Rang Undang-undang ini adalah dipersetujukan oleh Majlis Peguam. Barangkali, ini jadi satu Rang Undang-undang yang rare atau exceptional yang akan mendapat sokongan daripada Majlis Peguam. Adakah pada masa depan Kerajaan akan dapat nasihat Majlis Peguam atas Rang Undang-undang lain? Tidak ada sampaj sekarang. Ini saya ingat jadi satu exception. Saya baca apa yang ada dalam Seksyen 42, Akta Profesion Peguam, Tuan Yang di-Pertua:

“The purpose of the Malaysian Bar shall be—

- (d) where requested so to do to express its views on matters affecting legislation and the administration and practice of the law in Malaysia.”

Where requested so to do oleh Kerajaan.

Saya harap di masa hadapan apa yang diperuntukkan di dalam Akta ini di bawah Seksyen 42(1)(d) boleh bersemangat ‘spirit and essence’, dengan izin, should be given to this provision, oleh kerana sebagai peguam, peguam-peguam dalam negara ini ada hak untuk memberi nasihat kepada Kerajaan dalam menentukan undang-undang yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini adalah undang-undang yang adil.

Saya beralih kepada penyiasatan tribunal, dengan izin, we have a right to be tried by our own peers—peguam-peguam ada hak untuk diadili, dihakimi

oleh peguam-peguam sendiri. Apa yang wujud di dalam Rang Undang-undang ini sampai hari ini, jikalau orang yang bukan peguam ambil bahagian dalam penyiasatan dan penyiasatan itu jadi bahan rujukan kepada Lembaga Tatatertib, itu jadi satu perkara yang tidak baik.

Mengenai mewajibkan insurance indemnity, saya mengalu-alukan itu, oleh kerana ada banyak pelanggan-pelanggan peguam yang tidak mendapat apa-apa pun apabila black sheep yang ada di dalam profesyen ini dan black sheep yang ada dalam profesyen lain pun, ini menentukan mangsa-mangsa ini boleh mendapat sedikit sebanyak insurans. Saya harap sikap Kerajaan, khasnya sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada peguam-peguam hendaklah ditukar, jikalau Perdana Menteri kita mahu kekal dengan sikap yang ada sekarang, satu confrontation, dengan izin, oleh peguam-peguam di dalam negara ini—itu bukan bagi kepentingan national interest. Saya harap walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada di sini, beliau boleh menukar sikap bagi kepentingan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Mas. Minta jangan panjang sangat. Jika boleh kita mulakan jawapan pada hari ini. Boleh, tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Saya cuba, insya Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cubalah, kalau tidak, kita tidak boleh habis, kerana pada 25hb ini hari Krismas.

6.04 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini kenapakah kita sebagai manusia yang ada ilmu jarang menggunakan ilmu untuk tujuan kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali-kali tidak merasa inferiority complex, walaupun saya tidak belajar undang-undang dan mereka yang belajar undang-undang jangan menganggap bahawa mereka yang tidak belajar undang-undang tidak tahu undang-undang. Sebab itu, saya suka menyebut kenyataan dan pandangan O.A. Bartistar, yang menyatakan "an error does not become a mistake until you refuse to correct it, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan perkataan Horriford, dengan izin, I thank God that I live in this country where dreams can come true, where the failure is the first step to success and where the success is another form of failure if we forget what our priorities should be". Oleh itu, saya penuh yakin bahawasanya pindaan Undang-undang yang ada di hadapan kita ini tidak berhasrat untuk mengkhianati mana-mana pihak tetapi untuk kesejahteraan negara kita termasuk golongan peguam yang kita bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa yang saya sebutkan tadi direnung oleh wakil Kepong, Kok Lanas dan juga Jelutong. Malah jaguh demokrasi daripada Amerika, pada satu ketika dahulu iaitu President Kennedy pernah menyatakan "the powers of the President are extraordinary, the limitations are also extraordinary"—yang bermaksud "Kuasa Presiden adalah luar biasa dan sekatan-sekatannya juga luar biasa".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam pindaan Undang-undang ini ada tiga perkara pokok:

- (1) untuk mewujudkan Lembaga Tatatertib dan Tribunal;
- (2) mengenai dengan pemisahan BAR Selangor dan BAR Kuala Lumpur;
- (3) mengenai dengan insurance indemnity.

Tetapi perbahasan yang dibawa oleh beberapa wakil, terutama Kepong, Kok Lanas dan Jelutong banyak mengenai di sekitar masalah Majlis Peguam. Majlis Peguam ini sudah banyak kali dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya menyatakan awal-awal tadi bahawa jangan kita merendahkan orang-orang yang tidak belajar undang-undang. Bukankah kita sebagai Ahli Dewan ini, tugas kita ialah untuk membuat undang-undang dan tidak semua peguam-peguam tahu hal undang-undang ataupun memahami apa itu undang-undang. Tidak semua dia tahu. Sama juga dengan doktor, tidak semua doktor tahu hal-hal kedokteran. Kalau tidak, masakan masalah penyakit AIDS sampai sekarang tidak boleh diubati. Ini bererti kalau wakil Jelutong bercakap mengenai dengan undang-undang, tidak semestinya pandangan wakil Jelutong itu betul. Sama juga dengan wakil Kok Lanas, walaupun dia seorang peguam—sama juga seperti doktor.

Jadi, masalah pandangan dari segi undang-undang ini tidak berbangkit dari segi soal kita faham ataupun tidak faham. Jika ada mana-mana peguam yang bercakap bahawa hanya peguam sahaja yang boleh bercakap bab undang-undang, orang lain tidak boleh bercakap, itu bererti sikap peguam itu merendahkan martabat golongan lain, termasuk ilmu yang dimiliki oleh pihak lain. Saya tidak sangka bahawa wakil Jelutong ataupun wakil Nilam Puri begitu sombong dengan ilmu undang-undang yang mereka miliki seolah-olah perkara itu mesti merujuk kepada peguam-peguam dan hanya peguam-peguam sahaja yang tahu mentakrif dan mentafsirkan apa itu undang-undang dan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta ini ada dua peruntukkan yang hendak diwujudkan. Satu, Lembaga Tatatertib, satu lagi Tribunal. Wakil Jelutong menyatakan mesti lantik orang yang

tahu undang-undang. Saya bersetuju dengan pindaan ini, malah saya ingin bertanya dari segi penubuhan tribunal supaya diperuntukkan orang-orang awam boleh menduduki Jawatankuasa tersebut, tetapi di dalam Lembaga Tatatertib, mestilah mereka yang di dalam bidang profesion undang-undang. Sebelum ini kita pernah mengamalkan sistem juri dan juri-juri yang kita lantik yang dipakai di negara-negara Barat sekalipun dan tidak semestinya seseorang itu ialah seorang peguam untuk membincangkan masalah tatatertib. Sebab itu kalau tanya saya, saya ingin mencadangkan supaya orang awam juga patut dipertimbangkan untuk menduduki di dalam Lembaga Tatatertib, bukan sahaja daripada golongan legal profesion ataupun hanya setakat Lembaga Tribunal, kerana peranan peguam ada kaitan dengan kepentingan masyarakat. Mereka mewakili masyarakat umum. Apakah tidak mungkin orang yang tidak tahu undang-undang tidak boleh menduduki dalam Lembaga Tatatertib? Apa lebihnya? Mereka ini hanya sekadar mempunyai kelulusan undang-undang. Itu bab pertama.

Kedua, saya sudah nyatakan tadi jika mereka ini bercakap tidak bererti mereka bercakap mewakili satu keilmuan yang dikatakan hendak menegakkan keadilan dan kebenaran. Sebab sampai hari ini definasi mengenai dengan 'demokrasi' belum sampai kepada penghujung, definasi mengenai dengan hak asasi belum sampai lagi ke penghujung. Bila kita bercakap soal demokrasi yang bertentangan dengan kepentingan kita, maka kita menidakkan demokrasi orang lain. Bila kita bercakap hak asasi, bila kena batang tubuh kita sendiri, kita mempersoalkan hak asasi, bila datang kepada kepentingan kita, kita diam—itu soal hak asasi, sehingga kita lupa apa itu kebebasan dari segi berpersatuan, kebebasan hak manusia, kebebasan hak asasi, malah Kerajaan

juga, saya percaya, bertindak di atas hak tersebut di atas nama demokrasi yang mendapat mandat.

Jadi, kalau kita memahami konsep dan tradisi ilmu ini, saya percaya kita tidak akan beremosi, ada waktu perkara yang baik kita boleh terima sebagai suatu yang baik, ada perkara yang perlu kita tegur kita kena tegur, kita kena kritik. Saya bersikap begitu sepanjang masa. Maka sebab itu, jangan sekali-kali, semata-mata kita hendak menimbulkan suatu emosi yang tidak munasabah.

Wakil dari Kok Lanas menyebut soal Majlis Peguam, soal prinsip dari segi kebebasan. Persoalan dibangkitkan mengenai dengan kedudukan Majlis Peguam dan perlantikan Ketua Hakim Negara. Perkara ini sudah lama dibincangkan tetapi apakah kita lupa ada dua isu di hadapan kita. Apakah mereka membangkitkan soal semata-mata setakat prinsip mereka yang ada kepentingan duduk dalam Tribunal, itu yang dibangkitkan sebagaimana kata Kok Lanas ataupun mengenai dengan perlantikan Tun Hamid Omar sebagai Lord President. Seingat saya Majlis Peguam membuat Resolusi 1988 ialah mempersoalkan perlantikan Tun Hamid sebagai Lord President. Saya boleh baca kenyataan ini, Tuan Yang di-Pertua:

“Setiausaha Majlis Peguam, Puan Hindun Haji Mohamad, dalam kenyataannya berkata bahawa Majlis Peguam akan tetap mematuhi akan Resolusi 1988 yang menyatakan tidak percaya terhadap Tun Hamid Omar.”

Tetapi diputar pula sekarang ini masalah kononnya dari segi prinsip perlantikan mereka yang ada kepentingan dalam Tribunal, waktu timbulnya masalah kes Tun Salleh Abas kerana Tun Hamid Omar, Lord President sekarang menjadi Pengerusi kepada Tribunal. Baik, kalau Kerajaan

ini diktator, saya pun berfikir sekarang ini iaitu kalau Kerajaan ini betul diktator, Kerajaan tidak payah mengikut prosedur ini. Perdana Menteri boleh menasihatkan Yang di-Pertuan Agong pecat Ketua Hakim Negara, tetapi sekurang-kurangnya Tribunal ditubuhkan.

Siapakah yang menganggotai Tribunal ini? Ada wakil-wakil daripada luar negara walaupun Tun Hamid Omar sebagai Pengerusi, termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri yang juga menjadi anggota dalam Tribunal. Apakah kita mempersoalkan kewibawaan dan kredibiliti mereka ini dan keputusan sudah dibuat. Itu satu bab. Tetapi Majlis Peguam masih lagi memegang kepada Resolusi 1988. Sebab itu saya ingin menganjurkan di dalam Dewan yang mulia ini, sebagai langkah ke arah menjernihkan lagi hubungan di antara semua pihak terutamanya Majlis Peguam dari segi kredibilitinya, sememangnya wajar saya ingin menganjurkan Majlis Peguam menggugurkan secara rasmi Resolusi 1988 ini, terutama tidak lagi mempertikaikan soal perlantikan Tun Hamid sebagai Lord President. Kalau tidak, bagaimana boleh Majlis Peguam ini dihormati dan diterima oleh Kerajaan.

Saya bercakap di atas ilmu, Kerajaan yang mentadbir, Kerajaan yang mendapat mandat. Tidak mungkin Kerajaan boleh tunduk dan patut tunduk mengikut kehendak Majlis Peguam yang tidak ada mandat mentadbir negara. Jadi, perkara ini sudah selesai. Tetapi apabila timbul sahaja bab undang-undang, perkara inilah yang masih dibangkitkan lagi sehingga ada percubaan untuk hendak discredit Menteri Kehakiman secara peribadi dengan membangkitkan soal-soal peribadi. Bukankah Menteri Kehakiman sekarang ini menjadi anggota Kabinet dan anggota Kabinet mesti patuh kepada keputusan Kabinet.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua kata masa tidak ada, saya hendak cepat fasal masa tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau hendak juga, saya boleh beri, saya tak ada masalah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Penjelasan. Adakah Ahli dari Pasir Mas tahu Menteri Kehakiman apabila resolusi itu dibuat dalam tahun 1988, beliau ada angkat tangan untuk sokong resolusi itu, bukan dengan satu tangan tetapi kedua-dua tangannya. Adakah beliau bersetuju atau sedar?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Soal saya setuju atau sedar, saya tak boleh jawab sebab saya tak hadir di mesyuarat itu, saya bukan peguam. Itu nombor satu. Bila tiba giliran Menteri nanti dia jawablah. Tetapi kalau dia hadirpun tidak menjadi persoalan. Saya sudah beri pandangan saya dalam perbahasan saya yang lebih awal.

Saya mengaku, saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini, bukan sahaja Menteri Kehakiman, saya juga lebih dahsyat daripada Menteri Kehakiman. Saya kan dulu dalam Pembangkang! Saya pun bercakap, saya pun menimbulkan persoalan ini dan perkara yang sama, tetapi pada saya simple, saya memahami demokrasi. Sesudah isu ini disebar habis ke seluruh pelusuk tanahair, orang yang boleh jadi hakim ialah rakyat dan rakyat telah buat keputusan beri kemenangan kepada UMNO, beri kemenangan kepada Barisan Nasional. Bererti tindakan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri dan Kabinet itu betul kerana kita berasaskan kepada ilmu dan keadilan. Sebab itu kita sebagai seorang pemimpin mesti berani mengakui kesilapan ataupun mesti berani menyatakan kalau perkara itu sekarang ini sudah berjalan di atas landasan yang betul, kita mesti mengakui itu betul. Bukan semata-mata kita hendak create issue, tetapi kalau saya jadi Menteri Kehakiman, saya tak jawab, sebab tak payah layan perkara-perkara macam ini, buat habis masa, buat habis kertas *Hansard* Parlimen sahaja. Kalau Kepong berucap, saya tengok dalam *Hansard* Parlimen, berapa mukasurat, pointnya taklah berapa banyak sangat, berapa banyak kertas habis, masa lagi habis.

Sebab itu, saya hendak cadangkan kepada Menteri Kehakiman tak payah jawab, tak payah layan sebab mereka ini hendak score political mileage, hanya hendak besarkan perkara peribadi, hendak mengenakan Menteri Kehakiman, itu dapat dalam masuk dalam *Roket* ataupun PAS tumpang sekaki masuk dalam *Harakah*. Itu sahaja. Jadi, tak payah layan. Jawab apa perkara yang berbangkit dari segi pindaan undang-undang ini. Jangan layan sangat, sebab kalau lagi banyak layan dari segi kaedah orang-orang tua kata, lagi naik tocang, lagi besar kepala. Lagi dia buat, lagi kita layan, lagi dia buat macam-macam. Kalau dia buat don't know, buat tak tahu, habislah mereka ini. Jadi, saya cadangkan supaya tak payah jawab, jawab perkara yang pokok ini hendak memperkemas profesion perundangan.

Jadi, kita harap Majlis Peguam selepas ini akan mempunyai satu inspirasi baru, satu era baru supaya lebih kukuh dari segi kredibilitinya. Memang benar kata Menteri Kehakiman waktu membentang Rang Undang-undang ini. Antara lain dia kata, ada krisis dalam profesion

perundangan. Memang betul. Sebab bukan soal apa yang disebut oleh mereka yang sudah bercakap tetapi di kalangan orang ramai yang menjadi mangsa kepada setengah-setengah peguam-penyelewengan terhadap akaun pelanggan, tak habis ke mahkamah waktu membela clientnya, memberi macam-macam alasan, macam-macam timbul. Peguam pun manusia juga seperti orang lain, nothing extraordinary. Jadi, itu yang dimaksudkan krisis kepimpinan. Pada saya memang betul. Dan orang yang belajar undang-undang ini semua rasa, wah! kalau soal undang-undang merekalah yang lebih tahu. Saya tak belajar undang-undang dulu sebab hendak bagi peluang kepada mereka, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Sebab kalau saya jadi ahli undang-undang, saya tak tahulah, tetapi saya rasa kalau tak setanding pun mungkin lebih daripada Ahli dari Jelutong lagi. Because, when you don't have the fact, you bang the table. Saya bila bercakap, saya ada fact, saya bang on the fact, I do not bang on the table. Itu peguam yang baik.

Cuma saya hendak beri peluang kepada dia orang belajar dulu, itu sebabnya saya tidak masuk belajar undang-undang. Itu sebenarnya, bukan kita tidak tahu. Lebih daripada tahu, sebab undang-undang pun serupa dengan ilmu yang lain. Tidak ada bezanya. Tetapi wakil Kepong walaupun lama dalam Dewan ini belajar kedoktoran, saya dengar tadi "saya bukan peguam" punya inferiority complex. Kalau sudah tidak tahu tidak usah cakap. Tetapi bagi saya, saya yakin walaupun saya tidak belajar undang-undang, saya yakin saya tahu undang-undang. Saya faham undang-undang, sebab itu saya selalu confident. Confident dengan apa yang saya kata, apa yang saya buat, apa yang saya bertindak, selalu saya confident. Saya tahu undang-undang. Waktu saya kena tahan ISA dulu, saya tidak pernah soal macam orang lain, tahan-tahanlah

sebab undang-undang kata, kamu kena tahan, kamu buat kecoh—masuk dalam, relax tidak ada apa. Ada setengah orang masuk ISA dia bising, menangis macam-macam lagi. Walaupun dia lawyer atau peguam, itu menunjukkan dia tidak faham undang-undang.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut bangun.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas memberitahu, siapakah yang menangis kuat di Taiping dulu? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang menangis. Tetapi saya difahamkan ada orang menangis, sebab itu saya tidak hendak sebut kerana ini hal peribadi. Tetapi apabila saya sebut secara umum ada orang-orang itu dia makan lada dia berasa pedaslah. Dia tahulah. Sebab soal undang-undang kita tahu, bila undang-undang itu ada kita faham apa itu undang-undang. Bila dia sudah jadi undang-undang, kita kena patuh. Sebelum jadi undang-undang kita beri pandangan dan beri kritikan. Bila majoriti sudah buat keputusan bahawa itu keputusan majoriti, kita patuh kepada majoriti. Itu dikatakan demokrasi. Ini yang dikatakan tradisi ilmu. Tetapi kalau semata-mata datang hendak tunjuk champion, semata-mata kerana hendak jadi champion atau bangkang semata-mata bangkang, bererti kita tidak mewakili kepentingan rakyat.

Kita bercakap soal peguam-peguam, Tuan Yang di-Pertua. Bukan bererti ini untuk kepentingan peguam sahaja tetapi untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Sebab profesion perundangan itu ada kait-mengait dengan

kepentingan rakyat. Mereka mewakili rakyat tetapi sudah banyak penyelewengan berlaku. Jadi, sebab itulah pindaan ini saya kira tepat pada masanya dan kita harap seperti yang saya katakan tadi Majlis Peguam mesti menunjukkan credibility yang lebih mulai dari sekarang.

Saya percaya jika mereka bertanggungjawab, peguambela-peguambela dan peguamcara meningkat mereka punya prestasi. Saya percaya Kerajaan dan rakyat akan memberi penghargaan. Kebebasan mereka akan dibuka dengan lebih luas, dia pergi step-by-step.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana masa tidak mengizinkan, mungkin Yang Berhormat Menteri hendak jawab.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya hendak minta Menteri menjawab sekarang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya kira memang panjang lagi. Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan ucapan setinggi terima kasih serta menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.24 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai pembentangan Rang Undang-undang ini khususnya kepada Yang Berhormat dari Kepong, Jelutong, Kok Lanas dan Pasir Mas.

Terlebih dahulu, saya suka menegaskan di sini bahawa pindaan

ini dibuat berasaskan kepada keperluan semasa iaitu bagi menentukan yang Majlis Peguam dapat mengendali dan menguruskan ahli-ahlinya dengan secara berkesan, dan saya yakin apa yang saya katakan berkenaan dengan krisis keyakinan ini bukan krisis keyakinan terhadap Kerajaan tetapi terhadap peguam. Oleh kerana kes-kes yang berlaku, maka saya sebagai seorang Menteri yang menjalankan tanggungjawab bukan sahaja mendapat maklumat daripada peguam tetapi juga mendapat maklumat daripada orang ramai dan persepsi daripada orang awam terhadap peguam sendiri. Jika ada persepsi yang buruk dan negatif terhadap kita, maka terpaksa diterima hakikat ini dan jangan dipertahankan sesuatu yang tidak betul.

Berkenaan tidak mungkin orang luar bodoh, dengan mengambil satu sikap terhadap Kerajaan dan tindak-tanduk Kerajaan terhadap Majlis Peguam, suka saya katakan di sini iaitu selalunya bukan orang yang bodoh membuat kekeliruan dan putar fakta tetapi orang-orang yang pandai sebagaimana Yang Berhormat dari Kepong.

Saya nampak dari segi perbincangan, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini terutamanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, nyata sekali mereka cuba mengambil peluang untuk membangkitkan isu-isu yang telah berlalu, yang telah tidak lagi mempunyai kaitan dengan perkara yang berlaku pada masa kini. Dan saya suka menjelaskan iaitu setiap tindakan yang kita ambil sama ada dipersetujui ataupun tidak dipersetujui adalah tindakan yang mengikut lunas-lunas undang-undang dan mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

Misalnya kes Tun Salleh Abas adalah satu kes yang sudah habis, tidak boleh buka balik, sudah ditutup. Jadi tidak perlu kita membincangkan berkenaan dengan kes Tun Salleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun kes Tun Salleh Abbas sudah ditutup, bolehkah saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri bahawa mengikut resolusi tahun 1988 seperti apa yang saya bangkitkan tadi, adakah Menteri Kehakiman sokong resolusi itu dengan angkat kedua-dua tangan. (*Ketawa*)

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya kalau Yang Berhormat mengatakan saya menyokong resolusi itu dengan berdiri di atas kerusi dan mengangkat empat kaki saya sekali, boleh saya kata "meyakinkan. "Tetapi oleh kerana datangnya daripada Yang Berhormat, soalnya bukan soal saya menyokong atau tidak menyokong? Tetapi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, apabila resolusi—kalau saya tidak ada dalam Dewan itu—walaupun rakan saya daripada Pasir Mas tadi kata saya tidak payah jawab, biar saya jawab. Kalau saya tidak datang di dalam mesyuarat itu Yang Berhormat, mungkin saya tidak tahu bagaimana perangai peguam-peguam di dalam meluluskan resolusi yang mana mereka adalah terdiri dari golongan minoriti yang menguasai majoriti peguam.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jadi, hadir dalam majlis itu sebagai "spy" Kerajaan, masa itu. Betul begitu? Angkat kedua-dua tangan tetapi "spy" untuk mendapat tahu apa yang terjadi dalam mesyuarat itu. Malulah itu!

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Spy? Yang Berhormat dapat bercakap oleh kerana Yang Berhormat juga mempunyai maklumat. Yang

Berhormat dapat bercakap oleh kerana adanya maklumat Yang Berhormat Kok Lanas, dan Kok Lanas belajar daripada Jelutong. Dari dulu pun Yang Berhormat Kok Lanas menyokong saya, tetapi oleh kerana telah belajar daripada Yang Berhormat, maka lain pula dia bercakap. (*Tepuk*)

Saya hendak menjelaskan, apabila contempt proceeding dibawa terhadap Tun Hamid, untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya adalah salah seorang peguam yang menghadirkan diri untuk menentang kes contempt terhadap Tun Hamid. Jadi, itulah perkara yang perlu Yang Berhormat faham supaya kita tidak dikelirukan oleh Yang Berhormat.

Sebagai seorang peguam, saya fikir adalah menjadi tugas Yang Berhormat untuk mengetahui arena dan persekitaran. Kadangkala saya nampak Yang Berhormat pun keliru. Kadangkadang bercakap "Yang Arif Tuan Hakim, Tuan Yang di-Pertua". Jadi, biarlah kita tahu di mana kaki kita berpijak!

Saya berasa hairan, oleh kerana Yang Berhormat dari Kok Lanas, saya fikir barangkali dia adalah seorang peguam yang baru dan mungkin Yang Berhormat dari Jelutong mengetahui berkenaan kes-kes Lembaga Tatatertib, kes untuk mendapatkan Kerajaan meminda Akta ini adalah hasil daripada permintaan juga daripada Majlis Peguam. Oleh itu, ini tidak ada kena-mengena dengan sikap yang ditunjukkan oleh Majlis Peguam pada masa ini. Walaupun pada masa ini Majlis Peguam menunjukkan sikap yang memburukkan nama Malaysia di luar negeri tetapi kita bersikap adil di dalam menentukan bagi kepentingan ahli-ahli Majlis Peguam dan kepentingan orang ramai, maka kita meminda peruntukan undang-undang ini untuk membaiki imej dan profesion undang-undang, bukan untuk kepentingan segelintir manusia yang

tidak berterima kasih kepada tempat yang telah membawakan rezeki kepada mereka. (*Tepuk*)

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Majlis Peguam telah memburukkan nama baik negara kita. Tetapi sebelum Dr Mahathir balik ke negara dari Harare, Yang Berhormat Menteri itu tidak pernah kata yang Majlis Peguam ini memburukkan nama baik negara kita di luar negeri. Dan juga pada masa itu Yang Berhormat Menteri juga ada memanggil Majlis Peguam jadi sahabat dengan Ketua Hakim Negara. Tetapi, selepas Perdana Menteri balik dari Harare dan marah kepada Majlis Peguam, maka Yang Berhormat Menteri pun menukar stand, kata "oh,

Majlis Peguam ini telah memburukkan nama baik negara kita". Jadinya bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan bahawa Yang Berhormat jadi seperti burung Tiong juga?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya pun seronok dengar burung Tiong dari Bukit Bintang, ikut burung Tiong Jelutong. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Bolehkah jawab pada hari esok?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin 23hb Disember, 1991 jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*